

## PowerShot SX520 HS

# Panduan Pengguna Kamera

B.Malaysia

- Pastikan anda membaca panduan ini, termasuk bahagian “Peringatan Keselamatan” (📖 12), sebelum menggunakan kamera.
- Membaca panduan ini akan membantu anda belajar menggunakan kamera dengan betul.
- Simpan panduan ini dengan selamat supaya anda boleh menggunakannya pada masa hadapan.

- Klik butang di bahagian bawah sebelah kanan untuk mengakses halaman yang lain.
  - ▶: Halaman seterusnya
  - ◀: Halaman sebelumnya
  - 🔗: Halaman sebelum anda mengklik pautan
- Untuk melangkau ke permulaan sesuatu bab, klik tajuk bab di bahagian kanan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M


**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks




# Sebelum Penggunaan

## Maklumat Awal

### Kandungan Bungkusan

Sebelum penggunaan, pastikan item berikut termasuk di dalam bungkusan.

Jika ada apa-apa yang hilang, hubungi peruncit kamera anda.



Kamera



Pek Bateri  
NB-6LH\*



Pengecas Bateri  
CB-2LYE



Tali Sandang



Penutup Lensa  
(dengan kord)

\* Jangan tanggalkan label pek bateri.

- Bahan bercetak juga disertakan.
- Kad memori tidak disertakan (📖2).

## Kad Memori Serasi

Kad memori (dijual berasingan) berikut dapat digunakan tidak kira kapasitinya.

- Kad memori SD\*
- Kad memori SDHC\*
- Kad memori SDXC\*



- Kad Eye-Fi
- \* Kad mematuhi standard SD. Walau bagaimanapun, tidak semua kad memori telah disahkan untuk berfungsi dengan kamera.

## Tentang Kad Eye-Fi

Produk ini tidak dijamin untuk menyokong fungsi kad Eye-Fi (termasuk pemindahan wayarles). Jika ada masalah dengan kad Eye-Fi, sila periksa dengan pengeluar kad.

Selain itu, ambil perhatian bahawa kelulusan untuk menggunakan kad Eye-Fi diperlukan di banyak negara atau daerah. Tanpa kelulusan, penggunaan kad tidak dibenarkan. Jika tidak jelas sama ada kad telah diluluskan untuk digunakan di dalam kawasan tersebut, sila periksa dengan pengeluar kad.

### Sebelum Penggunaan

#### Panduan Asas

#### Panduan Lanjutan

#### 1 Asas Kamera

#### 2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

#### 3 Mod Penangkapan Lain

#### 4 Mod P

#### 5 Mod Tv, Av dan M

#### 6 Mod Main balik

#### 7 Menu Tetapan

#### 8 Aksesori

#### 9 Lampiran

### Indeks



## Nota Awalan dan Maklumat Undang-undang

- Ambil dan semak semula beberapa tangkapan ujian terlebih dahulu untuk memastikan imej dirakam dengan betul. Sila ambil perhatian bahawa Canon Inc., anak syarikat dan gabungan serta penganjurannya tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan yang timbul akibat daripada sebarang kepincangan pada kamera atau aksesori, termasuk kad memori yang mengakibatkan kegagalan imej untuk dirakam atau untuk dirakam dengan cara yang boleh dibaca oleh mesin.
- Imej yang dirakam oleh kamera adalah untuk penggunaan peribadi. Elakkan rakaman tanpa izin yang melanggar undang-undang hak cipta dan ambil perhatian bahawa walaupun untuk penggunaan peribadi, fotografi mungkin bertentangan dengan hak cipta atau hak undang-undang yang lain pada sesetengah pertunjukan atau pameran atau dalam persekitaran komersil.
- Jaminan kamera hanya sah di kawasan pembelian. Jika kamera bermasalah semasa berada di luar negara, kembali ke kawasan pembelian sebelum menghubungi Canon Customer Support Help Desk.
- Walaupun monitor LCD dihasilkan dalam keadaan pembuatan ketepatan yang sangat tinggi dan lebih daripada 99.99% piksel memenuhi spesifikasi reka bentuk, dalam kes terencil sesetengah piksel mungkin rosak atau kelihatan seperti titik merah atau hitam. Ini tidak menunjukkan kerosakan pada kamera atau mempengaruhi imej yang dirakam.
- Monitor LCD mungkin dilapisi dengan filem plastik nipis untuk perlindungan daripada calar sewaktu penghantaran. Jika ada, tanggalkan filem sebelum penggunaan.
- Apabila kamera digunakan untuk jangka masa yang lama, kamera mungkin menjadi panas. Ini tidak menandakan kerosakan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M


**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan


**8** Aksesori

**9** Lampiran


Indeks



## Nama Komponen dan Kelaziman dalam Panduan Ini



- |   |   |
|---|---|
| (1) Tuas zum<br>Penangkapan: [T] (telefoto) / [W] (sudut lebar)<br>Main balik: [Q] (membesarkan) / [Z] (indeks) | (8) Lensa                                   |
| (2) Butang pengatup   | (9) Cagak tudung lensa/penyesuai penuras    |
| (3) Dail Depan  | (10) Butang [C] (Bantuan Pembinaan – Cari)  |
| (4) Cagak Tali  | (11) Butang [K] (Bantuan Pembinaan – Kunci) |
| (5) Denyar  | (12) Soket tripod                           |
| (6) Lampu   | (13) Penutup terminal pengganding DC        |
| (7) Pembesar suara  | (14) Penutup kad memori/bateri              |



- |   |  |
|---|--|
| (1) Skrin (Monitor LCD)   | (10) Penunjuk  |
| (2) Mikrofon  | (11) Butang [M] (Mod Drive)                          |
| (3) Butang kuasa  | (12) Butang [MENU]                                   |
| (4) Dail mod  | (13) Butang [ISO] (Kelajuan ISO) / Atas              |
| (5) Butang filem  | (14) Butang [MF] (Fokus manual) / [M] (Makro) / Kiri |
| (6) Butang [F] (Pampasan pendedahan) / [P] (Padam imej tunggal) | (15) Butang FUNC./SET                                |
| (7) Terminal AV OUT (Output audio/video) / DIGITAL              | (16) Butang [D] (Denyar) / Kanan                     |
| (8) Terminal HDMI™  | (17) Butang [DISP.] (Paparan) / Bawah                |
| (9) Butang [R] (Main balik)                                     |  |

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto / Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M

**6** Mod Main balik






**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori


**9** Lampiran

Indeks



- Dalam panduan ini, ikon pada butang dan dail atau yang sebetulnya dengannya digunakan untuk mewakili butang dan dail kamera.
- Butang dan kawalan kamera yang berikut diwakili oleh ikon.
  -  Dail hadapan (3) di hadapan
  -  Butang atas (13) di belakang
  -  Butang kiri (14) di belakang
  -  Butang kanan (16) di belakang
  -  Butang bawah (17) di belakang
- Mod penangkapan dan ikon serta teks pada skrin ditunjukkan dalam tanda kurung siku.
- ⓘ: Maklumat penting yang anda patut tahu
- 📌: Nota dan tip bagi penggunaan pakar
- 📖xx: Halaman dengan maklumat berkaitan (dalam contoh ini, "xx" mewakili nombor halaman)
- Arahan dalam panduan ini digunakan untuk kamera di bawah tetapan lalai.
- Untuk kemudahan, semua kad memori yang disokong hanya disebut sebagai "kad memori" sahaja.
- Simbol ▶ "Imej Pegun" dan ▶ "Filem" di bawah tajuk menunjukkan sama ada fungsi digunakan untuk imej pegun atau filem.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
<b>1</b> Asas Kamera
<b>2</b> Mod Auto / Mod Auto Hibrid
<b>3</b> Mod Penangkapan Lain
<b>4</b> Mod P
<b>5</b> Mod Tv, Av dan M
<b>6</b> Mod Main balik
<b>7</b> Menu Tetapan
<b>8</b> Aksesori
<b>9</b> Lampiran
Indeks



# Jadual Kandungan

## Sebelum Penggunaan

<b>Maklumat Awal .....</b>	<b>2</b>
Kandungan Bungkus .....	2
Kad Memori Serasi .....	2
Tentang Kad Eye-Fi .....	2
Nota Awalan dan Maklumat Undang-undang .....	3
Nama Komponen dan Kelaziman dalam Panduan Ini .....	4
Operasi Kamera Biasa .....	11
Peringatan Keselamatan .....	12

## Panduan Asas

<b>Operasi asas .....</b>	<b>15</b>
Persediaan Awal .....	15
Memasang Aksesori .....	15
Memegang Kamera .....	16
Mengecas Pek Bateri .....	16
Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori .....	17
Mengeluarkan Pek Bateri dan Kad Memori .....	17
Menetapkan Tarikh dan Masa .....	18
Menggubah Tarikh dan Masa .....	18
Bahasa Paparan .....	19
Mencuba Kamera .....	20
Penangkapan (Auto Pintar) .....	20
Melihat .....	21
Memadam Imej .....	22

## Panduan Lanjutan

<b>1 Asas Kamera .....</b>	<b>23</b>
Hidupkan/Matikan .....	23
Ciri Jimat Kuasa (Mati secara Auto) .....	24
Jimat Kuasa dalam Mod Penangkapan .....	24
Jimat Kuasa dalam Mod Main balik .....	24
Butang Pengatup .....	24
Mod Penangkapan .....	25
Pilihan Paparan Tangkapan .....	25
Menggunakan Menu FUNC .....	26
Menggunakan Skrin Menu .....	27
Paparan Penunjuk .....	28
Jam .....	28
<b>2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid .....</b>	<b>29</b>
Menangkap dengan Tetapan yang Ditentukan oleh Kamera ...	29
Penangkapan (Auto Pintar) .....	29
Merakam dalam Mod Auto Hibrid .....	31
Main balik Filem Ikhtisar .....	32
Imej Pegun/Filem .....	32
Imej Pegun .....	32
Filem .....	33
Ikon Pemandangan .....	33
Ikon Penstabilan Imej .....	34
Bingkai Pada Skrin .....	35
Ciri-Ciri Mudah dan Biasa .....	35
Zum Lebih Dekat ke Subjek (Zum Digital) .....	35
Mengezum secara Auto untuk Mengekalkan Wajah pada Saiz yang Sama .....	38
Melaraskan Paparan Saiz Wajah Tetap .....	38
Memperoleh Semula Subjek secara Mudah dengan Mengezum secara Auto (Bantuan Cari) .....	39

### Sebelum Penggunaan

#### Panduan Asas

#### Panduan Lanjutan

#### 1 Asas Kamera

#### 2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

#### 3 Mod Penangkapan Lain

#### 4 Mod P

#### 5 Mod Tv, Av dan M

#### 6 Mod Main balik

#### 7 Menu Tetapan

#### 8 Aksesori

#### 9 Lampiran

### Indeks



Menggunakan Pemasa Kendiri .....	40
Menggunakan Pemasa Kendiri untuk Mengelakkan Goncangan Kamera .....	40
Menyesuaikan Pemasa Kendiri.....	41
Menambah Cop Tarikh .....	41
Penangkapan Berterusan.....	42
Ciri Penyesuaian Imej .....	43
Menukar Nisbah Bidang .....	43
Menukar Resolusi Imej (Saiz).....	43
Panduan untuk Memilih Resolusi Berdasarkan Saiz Kertas (untuk imej 4:3).....	43
Pembetulan Mata Merah .....	44
Menukar Kualiti Imej Filem .....	44
Ciri-Ciri Penangkapan Bermanfaat.....	45
Memaparkan Garisan Grid .....	45
Membesarkan Kawasan dalam Fokus .....	45
Memeriksa Mata Tertutup.....	46
Menyesuaikan Operasi Kamera .....	46
Menyahaktifkan Lampu Bantuan AF.....	46
Menyahaktifkan Lampu Pengurang Mata Merah.....	47
Menukar Gaya Paparan Imej selepas Tangkapan.....	47
Menukar Jangka Paparan Imej selepas Tangkapan.....	47
Menukar Skrin Dipaparkan selepas Tangkapan .....	48
<b>3 Mod Penangkapan Lain .....</b>	<b>49</b>
Penyesuaian Kecerahan / Warna (Kawalan Pandangan Langsung).....	49
Menikmati Pelbagai Imej daripada Setiap Tangkapan (Tangkapan Kreatif).....	50
Paparan Imej ketika Main balik.....	50
Memilih Kesan .....	51
Pemandangan Tertentu.....	51

Kesan Imej (Penuras Kreatif) .....	52
Menangkap dengan Kesan Lensa Mata Ikan (Kesan Mata Ikan).....	53
Tangkapan seperti Model Miniatur (Kesan Miniatur) .....	53
Kelajuan Main balik dan Anggaran Masa Main balik (untuk Klip Satu Minit) .....	54
Menangkap dengan Kesan Kamera Mainan (Kesan Kamera Mainan).....	54
Menangkap dalam Monokrom .....	55
Mod Khas untuk Tujuan Lain.....	55
Penangkapan Auto selepas Pengesanan Wajah (Pengatup Pintar) .....	55
Penangkapan Auto selepas Pengesanan Senyuman .....	55
Menggunakan Pemasa Kendiri Kerdipan .....	56
Menggunakan Pemasa Kendiri Wajah .....	57
Penangkapan Berterusan Berkelajuan Tinggi (Tangkapan Berkelajuan Tinggi).....	58
Merakam Pelbagai Filem.....	58
Merakam Filem dalam Mod Filem .....	58
Mengunci atau Menukar Kecerahan Imej sebelum Penangkapan .....	59
<b>4 Mod P.....</b>	<b>60</b>
Penangkapan dalam AE Program (Mod [P]) .....	60
Kecerahan Imej (Pendedahan) .....	61
Melaraskan Kecerahan Imej (Pampasan Pendedahan).....	61
Mengunci Kecerahan / Pendedahan Imej (Kunci AE) .....	61
Menukar Kaedah Pemetaran.....	61
Menukar Kelajuan ISO .....	62
Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast).....	62
Warna Imej .....	63
Melaraskan White Balance.....	63
White Balance Tersuai.....	63


<b>Sebelum Penggunaan</b>
<b>Panduan Asas</b>
<b>Panduan Lanjutan</b>
<b>1 Asas Kamera</b>
<b>2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid</b>
<b>3 Mod Penangkapan Lain</b>
<b>4 Mod P</b>
<b>5 Mod Tv, Av dan M</b>
<b>6 Mod Main balik</b>
<b>7 Menu Tetapan</b>
<b>8 Aksesori</b>
<b>9 Lampiran</b>
<b>Indeks</b>



Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya).....	63
Warna Tersuai .....	64
Julat Penangkapan dan Fokus.....	65
Penangkapan Dekat (Makro).....	65
Menangkap dalam Mod Fokus Manual .....	65
Tele-Converter Digital.....	66
Menukarkan Mod Bingkai AF.....	67
Tengah.....	67
AiAF Wajah.....	67
Pilih Subjek untuk Difokuskan (Jejak AF).....	68
Penangkapan dengan AF Servo .....	68
Menukar Tetapan Fokus .....	69
Menangkap dengan Kunci AF .....	69
Denyar.....	70
Menukar Mod Denyar.....	70
Auto .....	70
Aktif.....	70
Synchro P'lahan .....	70
Deaktif .....	70
Melaraskan Pampasan Pendedahan Denyar.....	71
Menangkap dengan Kunci FE .....	71
Tetapan Lain.....	72
Menukar Nisbah Mampatan (Kualiti Imej) .....	72
Menukar Tetapan Mod IS .....	72
Merakam Filem dengan Subjek Bersaiz Sama seperti Dipaparkan sebelum Penangkapan .....	72
<b>5 Mod Tv, Av dan M .....</b>	<b>73</b>
Kelajuan Pengatup Tertentu (Mod [Tv]).....	73
Nilai Apertur Tertentu (Mod [Av]) .....	74
Kelajuan Pengatup dan Nilai Apertur Tertentu (Mod [M]).....	74
Melaraskan Output Denyar.....	75

<b>6 Mod Main balik.....</b>	<b>76</b>
Melihat.....	76
Menukar Mod Paparan .....	77
Amaran Pendedahan Berlebih (untuk Sorotan Imej).....	78
Histogram .....	78
Melihat Filem Pendek yang Dicipta Apabila Menangkap Imej Pegun (Filem Ikhtisar) .....	78
Melihat mengikut Tarikh.....	78
Semak lalu dan Menuras Imej.....	79
Mengemudi melalui Imej dalam Indeks .....	79
Mencari Imej yang Sepadan dengan Syarat yang Ditetapkan ...	79
Menggunakan Dail Depan untuk Melompat antara Imej .....	80
Melihat Imej Individu dalam Kumpulan.....	81
Pilihan Melihat Imej.....	82
Membesarkan Imej.....	82
Melihat Persembahan Slaid.....	82
Mengubah Tetapan Persembahan Slaid .....	83
Main balik Auto bagi Imej Berkaitan (Kocok Pintar).....	83
Melindungi Imej .....	84
Menggunakan Menu.....	84
Memilih Imej secara Individu .....	85
Memilih Julat.....	85
Melindungi Semua Imej Sekali gus .....	86
Membuang Semua Perlindungan Sekali gus .....	86
Memadam Imej.....	86
Memadam Berbilang Imej Sekali gus .....	87
Memilih Kaedah Pemilihan .....	87
Memilih Imej secara Individu .....	87
Memilih Julat.....	88
Menentukan Semua Imej Sekali gus .....	88
Memutar Imej .....	88
Menggunakan Menu.....	88
Menyahaktifkan Putaran Auto.....	89


Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
<b>1</b> Asas Kamera
<b>2</b> Mod Auto / Mod Auto Hibrid
<b>3</b> Mod Penangkapan Lain
<b>4</b> Mod P
<b>5</b> Mod Tv, Av dan M
<b>6</b> Mod Main balik
<b>7</b> Menu Tetapan
<b>8</b> Aksesori
<b>9</b> Lampiran
Indeks



Mengetag Imej sebagai Kesukaan .....	89
Menggunakan Menu .....	89
Mengedit Imej Pegun .....	90
Menukar Saiz Imej.....	90
Memotong.....	91
Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya).....	92
Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast).....	92
Membetulkan Mata Merah.....	93
Mengedit Filem.....	94
Mengedit Filem Ikhtisar .....	95
<b>7 Menu Tetapan.....</b>	<b>96</b>
Melaraskan Fungsi Kamera Asas.....	96
Meredamkan Bunyi Operasi Kamera .....	96
Melaraskan Volum .....	96
Menyembunyikan Penunjuk & Tip .....	97
Tarikh dan Masa .....	97
Jam Dunia .....	97
Masa Tarik Balik Lensa.....	98
Menggunakan Mod Eko.....	98
Pelarasan Jimat Kuasa.....	98
Kecerahan Skrin .....	99
Menyembunyikan Skrin Permulaan.....	99
Memformat Kad Memori.....	99
Pemformatan Tahap Rendah.....	100
Penomboran Fail .....	100
Penyimpanan Imej Berasaskan Tarikh .....	101
Paparannya Metrik / Bukan Metrik .....	101
Memeriksa Logo Pensijilan.....	101
Bahasa Paparan.....	101
Melaraskan Tetapan Lain .....	102
Memulihkan Tetapan Lalai.....	102

<b>8 Aksesori .....</b>	<b>103</b>
Peta Sistem.....	103
Aksesori Pilihan.....	104
Bekalan Kuasa .....	104
Unit Denyar.....	105
Aksesori Lain .....	105
Pencetak.....	105
Menggunakan Aksesori Pilihan .....	106
Main balik pada TV.....	106
Main balik pada TV Definisi Tinggi .....	106
Main balik pada TV Definisi Standard .....	106
Membekalkan Kuasa Kamera dengan Kuasa Rumah.....	107
Menggunakan Tudung Lensa (Dijual Berasingan) .....	108
Menggunakan Penuras Lensa (Dijual Berasingan).....	109
Menggunakan Perisian.....	110
Perisian.....	110
Manual Arahan Perisian .....	110
Memeriksa Persekitaran Komputer Anda .....	110
Memasang Perisian.....	111
Menyimpan Imej ke dalam Komputer .....	111
Mencetak Imej .....	113
Cetak Mudah .....	113
Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan.....	114
Memotong Imej sebelum Mencetak .....	114
Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak .....	115
Pilihan Tataletak Tersedia.....	115
Mencetak Gambar ID .....	115
Mencetak Adegan Filem .....	116
Pilihan Pencetakan Filem .....	116
Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF).....	116
Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan.....	116
Menyediakan Pencetakan Imej Berasingan .....	117

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
<b>1</b> Asas Kamera
<b>2</b> Mod Auto / Mod Auto Hibrid
<b>3</b> Mod Penangkapan Lain
<b>4</b> Mod P
<b>5</b> Mod Tv, Av dan M
<b>6</b> Mod Main balik
<b>7</b> Menu Tetapan
<b>8</b> Aksesori
<b>9</b> Lampiran
Indeks



Menyediakan Pencetakan untuk Berbagai-bagai Imej .....	117
Menyediakan Pencetakan untuk Semua Imej .....	118
Memadam Semua Imej daripada Senarai Cetak .....	118
Mencetak Imej yang Ditambah ke Senarai Cetak (DPOF)...	118
Menambah Imej ke Buku Foto.....	118
Memilih Kaedah Pemilihan .....	118
Menambah Imej Secara Berasingan .....	119
Menambah Semua Imej ke Buku Foto .....	119
Memadam Semua Imej dari Buku Foto .....	119
Menggunakan Kad Eye-Fi.....	120
Memeriksa Maklumat Sambungan .....	121
Melumpuhkan Pindahan Eye-Fi .....	121
<b>9 Lampiran .....</b>	<b>122</b>
Penyelesaian masalah .....	122
Mesej Pada Skrin .....	125
Maklumat Pada Skrin .....	126
Penangkapan (Paparan Maklumat).....	126
Tahap Bateri .....	127
Main balik (Paparan Maklumat Terperinci) .....	127
Ringkasan Panel Kawalan Filem.....	128
Jadual Fungsi dan Menu .....	128
Fungsi Tersedia dalam Setiap Mod Penangkapan .....	128
Menu FUNC.....	130
Tab Penangkapan.....	131
Tab Persediaan.....	135
Tab Main balik.....	135
Tab Cetak .....	136
Menu FUNC. Mod Main balik .....	136
Peringatan Pengendalian .....	136
Spesifikasi .....	137
Spesifikasi Kamera.....	137

Jarak Fokus Zum Digital (bersamaan filem 35mm).....	137
Bilangan Tangkapan/Masa Rakaman, Masa Main balik.....	137
Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori .....	138
Masa Rakaman bagi setiap Kad Memori .....	138
Julat Denyar .....	138
Julat Penangkapan.....	139
Kelajuan Penangkapan Berterusan.....	139
Kelajuan Pengatup .....	139
Apertur.....	139
Pek Bateri NB-6LH .....	139
Pengecas Bateri CB-2LYE .....	139
Tudung Lensa LH-DC60 (Dijual Berasingan) .....	139
Indeks.....	140
Tanda Dagang dan Lesen .....	142
Penafian .....	142

<b>Sebelum Penggunaan</b>
<b>Panduan Asas</b>
<b>Panduan Lanjutan</b>
<b>1 Asas Kamera</b>
<b>2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid</b>
<b>3 Mod Penangkapan Lain</b>
<b>4 Mod P</b>
<b>5 Mod Tv, Av dan M</b>
<b>6 Mod Main balik</b>
<b>7 Menu Tetapan</b>
<b>8 Aksesori</b>
<b>9 Lampiran</b>
<b>Indeks</b>



# Operasi Kamera Biasa

## Menangkap

- Gunakan tetapan yang ditetapkan oleh kamera (Mod Auto, Mod Auto Hibrid)
  - 📖29, 📖31
- Lihat beberapa kesan yang diaplikasikan kepada setiap tangkapan, menggunakan tetapan yang ditentukan kamera (Mod Tangkapan Kreatif)
  - 📖50

Menangkap orang dengan baik



Potret  
(📖51)



Terhadap Salji  
(📖51)

Memadankan dengan pemandangan tertentu



Cahaya Malap  
(📖51)



Bunga Api  
(📖51)

Menggunakan kesan khas



Warna Terang  
(📖52)



Kesan Poster  
(📖52)



Kesan Mata Ikan  
(📖53)



Kesan Miniatur  
(📖53)



Kesan Kamera  
Mainan  
(📖54)



Monokrom  
(📖55)

- Ketika melaraskan tetapan imej (Kawalan Pandangan Langsung)
  - 📖49
- Fokus pada wajah
  - 📖29, 📖51, 📖67
- Tanpa menggunakan denyar (Denyar Dinyahaktifkan)
  - 📖29, 📖70
- Masukkan diri anda sendiri dalam tangkapan (Pemasa Kendiri)
  - 📖40, 📖57
- Tambah cop tarikh
  - 📖41
- Klip filem dan foto bersama (Filem Ikhtisar)
  - 📖31

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M

**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan







**8** Aksesori

**9** Lampiran




Indeks



## Melihat

- Lihat imej (Mod Main balik)
  -  76
- Main balik automatik (Persembahan Slaid)
  -  82
- Dalam TV
  -  106
- Dalam komputer
  -  110
- Semak lalu imej dengan pantas
  -  79
- Padam imej
  -  86


## Merakam/Melihat Filem

- Rakam filem
  -  29,  58
- Lihat imej (Mod Main balik)
  -  76

## Mencetak

- Cetak imej
  -  113

## Menyimpan

- Simpan imej ke komputer
  -  111

## Peringatan Keselamatan

- Sebelum menggunakan produk ini, pastikan anda telah membaca peringatan keselamatan yang dijelaskan di bawah. Sentiasa pastikan produk digunakan dengan betul.
- Peringatan keselamatan yang dijelaskan di sini adalah untuk menghalang anda atau orang lain daripada mendapat kecederaan atau menimbulkan kerosakan harta benda.
- Pastikan juga untuk melihat panduan yang disertakan untuk setiap aksesori yang dijual berasingan yang anda gunakan.



### Amaran

Menandakan kemungkinan kecederaan yang serius atau kematian.

- Jangan gunakan denyar dalam jarak yang dekat dengan mata orang. Pendedahan kepada cahaya terlalu terang yang dihasilkan oleh denyar mungkin merosakkan penglihatan. Secara khususnya, kekalkan jarak sekurang-kurangnya 1 meter (3.3 kaki) dari bayi apabila menggunakan denyar.
- Simpan peralatan ini di luar capaian kanak-kanak dan bayi. Tali yang terlilit di keliling leher anak kecil mungkin menyebabkan sesak nafas. Jika produk anda menggunakan kord kuasa, melilit kord di keliling leher anak kecil dengan tidak sengaja mungkin menyebabkan sesak nafas.
- Gunakan sumber kuasa yang disarankan sahaja.
- Jangan membuka, mengubah suai atau mengenakan haba terhadap produk.
- Jangan tanggalkan label, jika pek bateri mempunyai label.
- Elakkan daripada menjatuhkan atau mendedahkan produk terhadap hentakan yang kuat.
- Jangan menyentuh bahagian dalaman produk jika ia rosak, seperti apabila ia jatuh.
- Berhenti menggunakan produk dengan segera jika produk mengeluarkan asap atau bau aneh atau berfungsi secara abnormal.
- Jangan gunakan pelarut organik seperti alkohol, benzin atau pencair untuk membersihkan produk.

## Sebelum Penggunaan

### Panduan Asas

### Panduan Lanjutan

#### 1 Asas Kamera

#### 2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

#### 3 Mod Penangkapan Lain

#### 4 Mod P

#### 5 Mod Tv, Av dan M

#### 6 Mod Main balik

#### 7 Menu Tetapan

#### 8 Aksesori

#### 9 Lampiran

## Indeks



- Elakkan daripada terkena cecair dan jangan benarkan cecair atau objek asing memasuki produk.

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

Jika produk basah atau jika cecair atau objek asing masuk ke dalam produk, keluarkan pek bateri/bateri atau cabut palam dengan segera.

- Jangan melihat melalui pemedang tilik (jika model kamera anda mempunyai pemedang tilik) pada sumber cahaya yang terlalu terang, seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terlalu terang.

Ini boleh merosakkan penglihatan anda.

- Jangan sentuh produk semasa ribut petir jika ia dipasang pada sumber kuasa.

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran. Berhenti menggunakan produk dengan segera dan jarakkan diri anda daripadanya.

- Gunakan pek bateri/bateri yang disarankan sahaja.
- Jangan letakkan pek bateri/bateri berhampiran atau pada nyalaan api. Ini mungkin menyebabkan pek bateri/bateri meletup atau bocor, mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran atau kecederaan. Jika cecair elektrolit bateri yang bocor terkena pada mata, mulut, kulit atau baju, segera basuh dengan air.

- Jika kamera anda menggunakan pengecas bateri, ambil perhatian terhadap peringatan keselamatan berikut.
  - Cabut palam kord kuasa secara berkala dan dengan menggunakan kain kering, lapkan sebarang debu atau kotoran yang terkumpul pada palam, bahagian luaran saluran keluar kuasa dan kawasan sekelilingnya.
  - Jangan masukkan atau cabut palam dengan tangan basah.
  - Jangan gunakan peralatan melebihi kadar kapasiti sumber kuasa elektrik yang telah ditetapkan atau aksesori pendawaian. Jangan gunakan jika palam rosak atau tidak dipasang sepenuhnya pada saluran keluar kuasa.
  - Lindungi terminal atau palam daripada bersentuhan dengan debu atau benda logam (seperti pin atau kunci).
  - Jangan potong, rosakkan, ubah atau letakkan benda berat di atas kord kuasa, jika produk anda menggunakan kord kuasa.

Ini boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.

- Matikan kamera di tempat yang melarang penggunaan kamera. Gelombang elektromagnet yang dipancarkan oleh kamera mungkin mengganggu operasi instrumen elektronik dan peranti lain. Berhati-hati apabila menggunakan produk di tempat yang mengehadkan penggunaan peranti elektronik, seperti di dalam kapal terbang dan kemudahan perubatan.

- Jangan benarkan kamera terkena kulit untuk jangka masa yang lama. Walaupun kamera tidak berasa panas, ini mungkin menyebabkan lecuran suhu rendah, ditunjukkan dengan kulit yang kemerahan atau melepuh. Gunakan tripod di tempat yang panas atau jika anda mempunyai peredaran darah yang lemah atau kulit yang tidak sensitif.



### Peringatan

Menandakan kemungkinan kecederaan.

- Apabila membawa produk dengan tali, berhati-hati agar kamera tidak terhentak, terkena getaran atau impak yang kuat atau tersangkut pada objek lain.
  - Berhati-hati untuk tidak melanggar atau menekan kuat pada lensa. Hal ini dapat menyebabkan kecederaan atau kerosakan kamera.
  - Lindungi skrin daripada hentakan kuat. Jika skrin retak, kecederaan mungkin berlaku akibat serpihan yang pecah.
  - Apabila menggunakan denyar, berhati-hati agar denyar tidak ditutup oleh tangan atau pakaian anda. Hal ini dapat menyebabkan melecur atau kerosakan pada denyar.
  - Elakkan daripada menggunakan, menempatkan atau menyimpan produk di tempat-tempat berikut:
    - Tempat yang terkena sinaran matahari secara langsung
    - Tempat dengan suhu melebihi 40 °C (104 °F)
    - Tempat lembap atau berdebu
- Ini mungkin menyebabkan kebocoran, pemanasan berlebihan atau letupan pek bateri/bateri, yang mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran, melecur atau kecederaan lain. Pemanasan berlebihan dan kerosakan mungkin mengakibatkan kejutan elektrik, kebakaran, melecur atau kecederaan lain.

## Sebelum Penggunaan

### Panduan Asas

### Panduan Lanjutan

#### 1 Asas Kamera

#### 2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

#### 3 Mod Penangkapan Lain

#### 4 Mod P

#### 5 Mod Tv, Av dan M

#### 6 Mod Main balik

#### 7 Menu Tetapan

#### 8 Aksesori

#### 9 Lampiran

## Indeks



- Kesan peralihan persembahan slaid mungkin menyebabkan ketidakselesaan apabila dilihat untuk jangka masa yang lama.
- Apabila menggunakan lensa pilihan, penapis lensa atau penyesuai penapis (jika dapat diaplikasikan), pastikan untuk memasang aksesori ini dengan kukuh.

Jika aksesori kaca menjadi longgar atau terjatuh, lensa mungkin retak dan serpihan kaca tersebut mungkin menyebabkan luka.

- Pada produk yang menaikkan atau menurunkan denyar secara automatik, pastikan untuk tidak menyentuh denyar yang sedang menurun dengan jari anda.

Hal ini dapat mengakibatkan kecederaan.

## Peringatan

Menandakan kemungkinan kerosakan harta.

- Jangan halakan kamera ke sumber cahaya yang terlalu terang, seperti matahari pada hari yang cerah atau sumber cahaya buatan yang terlalu terang.

Berbuat sedemikian mungkin merosakkan pengesan imej atau komponen dalaman lain.

- Apabila menggunakan kamera di pantai berpasir atau lokasi yang berangin, berhati-hati agar debu atau pasir tidak masuk ke dalam kamera.
- Bagi produk yang dapat menaikkan atau menurunkan denyar secara automatik, jangan tolak denyar ke bawah atau membukanya.

Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan produk.

- Lapkan sebarang habuk, kotoran atau benda asing pada denyar dengan swab kapas atau kain.

Haba yang dikeluarkan oleh denyar mungkin menyebabkan benda asing beresap atau kepincangan produk.

- Keluarkan dan simpan pek bateri/bateri ketika produk tidak digunakan. Sebarang kebocoran bateri yang berlaku mungkin merosakkan produk.

- Sebelum anda membuang pek bateri/bateri, tutup terminal dengan pita atau penambat lain.

Bersentuhan dengan material logam lain mungkin menyebabkan kebakaran atau letupan.

- Cabut mana-mana palam pengecas bateri yang digunakan bersama produk apabila tidak menggunakannya. Jangan tutup dengan kain atau objek lain apabila digunakan.

Membiarkan unit di palam masuk untuk tempoh yang terlalu lama mungkin menyebabkan pemanasan berlebihan dan herot, mengakibatkan kebakaran.

- Jangan tinggalkan pek bateri berhampiran dengan haiwan peliharaan. Gigitan haiwan peliharaan pada pek bateri boleh menyebabkan kebocoran, pemanasan berlebihan atau letupan, yang mengakibatkan kebakaran atau kerosakan produk.

- Jika produk anda menggunakan berbilang bateri, jangan gunakan bateri yang mempunyai tahap cas berbeza secara bersama dan jangan gunakan bateri lama dan baharu bersama. Jangan masukkan bateri dengan terminal + dan – terbalik.

Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan produk.

- Jangan duduk dengan kamera berada di dalam poket seluar anda. Berbuat demikian mungkin menyebabkan kepincangan atau merosakkan skrin.

- Apabila meletakkan kamera di dalam beg anda, pastikan bahawa objek yang keras tidak bersentuhan dengan skrin kamera. Juga tutup skrin (supaya skrin menghadap badan), jika skrin produk boleh ditutup.

- Jangan pasang sebarang objek keras pada produk. Berbuat demikian mungkin menyebabkan kepincangan atau merosakkan skrin.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M


**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks



# Panduan Asas


## Operasi asas

Maklumat dan arahan asas, dari persediaan awal ke tangkapan dan main balik

## Persediaan Awal


Bersedia untuk menangkap seperti berikut.

### Memasang Aksesori





#### 1 Pasangkan tali.

- Pasang tali yang dibekalkan dengan kamera seperti yang ditunjukkan pada gambar.
- Pada sisi lain kamera, pasang tali dengan cara yang sama.



#### 2 Pasangkan penutup lensa.

- Keluarkan penutup daripada lensa dan pasang kord penutup lensa kepada tali.



- Sentiasa cabut penutup sebelum menghidupkan kamera. Cuba kepitkan penutup lensa kepada tali leher apabila penutup tidak digunakan.
- Pasangkan penutup lensa kepada lensa apabila kamera tidak digunakan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M

**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan


**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks




## Memegang Kamera



- Lilitkan tali pada leher anda.
- Apabila menangkap, pastikan lengan anda dekat dengan badan anda dan pegang kamera dengan mantap untuk mencegah kamera bergerak. Jika anda telah menaikkan denyar, jangan letakkan jari anda di atas denyar.


## Mengecas Pek Bateri

Sebelum penggunaan, cas pek bateri dengan pengecas yang disertakan. Pastikan untuk mengecas pek bateri terlebih dahulu kerana kamera tidak dijual dengan pek bateri yang telah dicas.




### 1 Masukkan pek bateri.

- Selepas melaraskan tanda ▲ pada pek bateri dan pengecas bateri, masukkan pek bateri dengan menolaknya ke dalam (1) dan ke bawah (2).



### 2 Caskan pek bateri.

- Pasang kord kuasa ke dalam pengecas, kemudian masukkan hujung lain ke dalam saluran keluar kuasa.
- Lampu pengecasan akan menyala jingga dan pengecasan bermula.
- Apabila pengecasan selesai, warna lampu akan berubah menjadi hijau.



### 3 Keluarkan pek bateri.

- Setelah mencabut pengecas bateri, keluarkan pek bateri dengan menolaknya ke dalam (1) dan ke atas (2).



- Untuk melindungi pek bateri dan mengekalkannya dalam keadaan optimum, jangan casnya melebihi 24 jam secara berterusan.
- Bagi pengecas bateri yang menggunakan kord kuasa, jangan pasang pengecas kuasa atau kord pada objek lain. Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan atau kerosakan produk.



- Untuk butiran mengenai masa pengecasan dan bilangan tangkapan dan masa rakaman yang tersedia dengan pek bateri yang telah dicas penuh, lihat "Bilangan Tangkapan/Masa Rakaman, Masa Main balik" (137).
- Pek bateri yang telah dicas penuh akan kehilangan cas sedikit demi sedikit, walaupun kamera tidak digunakan. Caskan pek bateri pada (atau dengan segera sebelum) hari penggunaan.
- Pengecas boleh digunakan di kawasan dengan kuasa 100 – 240 V AC (50/60 Hz). Bagi saluran keluar kuasa dalam format lain, gunakan penyesuai yang tersedia secara komersil untuk palam. Jangan gunakan transformer elektrik yang direka untuk pelancongan, kerana ia mungkin merosakkan pek bateri.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori


9 Lampiran

Indeks




## Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori

Masukkan pek bateri yang dibekalkan dan kad memori (dijual berasingan). Sila ambil perhatian bahawa sebelum menggunakan kad memori yang baharu (atau kad memori yang diformat dalam peranti lain), anda patut format kad memori menggunakan kamera ini (📖99).




### 1 Buka penutup.

- Luncurkan penutup (1) dan bukanya (2).




### 2 Masukkan pek bateri.

- Pegang pek bateri dengan terminal (1) menghadap seperti yang ditunjukkan, tekan kunci bateri (2) mengikut arah anak panah dan masukkan pek bateri hingga klik tertutup.
- Jika dimasukkan dengan arah yang salah, pek bateri tidak dapat dikunci di posisi yang betul. Selalu pastikan pek bateri dimasukkan dengan arah betul dan dikunci selepas itu.



### 3 Periksa tab perlindungan tulis kad dan masukkan kad memori.

- Rakaman tidak mungkin bagi kad memori yang mempunyai tab perlindungan tulis jika tab dalam posisi terkunci. Luncurkan tab ke posisi tidak terkunci.
- Masukkan kad memori dengan label (1) menghadap seperti yang ditunjukkan hingga ia klik ke posisi.




### 4 Tutup penutup.

- Turunkan penutup (1) dan tahan ke bawah apabila anda meluncurkannya, sehingga penutup klik masuk ke posisi tertutup (2).




- Untuk panduan tentang jumlah tangkapan atau masa rakaman yang boleh disimpan dalam satu kad memori, lihat "Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori" (📖138).

## Mengeluarkan Pek Bateri dan Kad Memori



### Keluarkan pek bateri.

- Buka penutup bateri dan tekan kunci bateri mengikut arah anak panah.
- Pek bateri akan pop ke atas.



### Keluarkan kad memori.

- Tolak kad memori sehingga anda merasakan klik dan kemudian lepaskannya secara perlahan.
- Kad memori akan pop ke atas.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Menetapkan Tarikh dan Masa

Jika skrin [Hb/Masa] dipaparkan apabila anda menghidupkan kamera, tetapkan tarikh dan masa yang betul seperti cara berikut. Maklumat yang ditetapkan begitu akan disimpan dalam sifat imej apabila menangkap dan ia akan digunakan dalam pengurusan imej melalui tarikh tangkapan atau pencetakan imej dengan tarikh.

Anda juga boleh menambah cop tarikh pada tangkapan, jika anda inginkan (41).



### 1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin [Hb/Masa] dipaparkan.


### 2 Tetapkan tarikh dan masa.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih satu pilihan.
- Tekan butang [▲][▼] untuk menentukan tarikh dan masa.
- Apabila selesai, tekan butang [⊕].



### 3 Tetapkan zon masa tempatan anda.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih zon masa tempatan anda.



### 4 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang [⊕] apabila selesai. Selepas mesej pengesahan, skrin tetapan tidak lagi dipaparkan.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang kuasa.




- Jika anda tidak menetapkan tarikh, masa dan zon masa tempatan, skrin [Hb/Masa] akan dipaparkan setiap kali anda hidupkan kamera. Tentukan maklumat yang betul.



- Untuk menetapkan waktu jimat siang (1 jam lebih awal), pilih [☀] dalam langkah 2 dan kemudian pilih [☀] dengan menekan butang [▲][▼].


## Mengubah Tarikh dan Masa

Laraskan tarikh dan masa seperti berikut.




### 1 Akses skrin menu.

- Tekan butang [MENU].



### 2 Pilih [Hb/Masa].

- Gerakkan tuas zum untuk memilih tab [↑][↓].
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Hb/Masa] dan kemudian tekan butang [⊕].



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



### 3 Ubah Tarikh dan Masa


- Ikuti langkah 2 dalam “Menetapkan Tarikh dan Masa” (📖 18) untuk melaraskan tetapan.
- Tekan butang [MENU] untuk menutup skrin menu.



- Tetapan tarikh/masa boleh dikekalkan selama kira-kira 3 minggu dengan bateri tarikh/masa terbina dalam kamera (bateri sandaran) selepas pek bateri dikeluarkan.
- Bateri tarikh/masa akan dicaskan penuh dalam kira-kira 4 jam sebaik sahaja anda memasukkan pek bateri yang dicaskan penuh atau menghubungkan kamera kepada kit penyesuai AC (dijual berasingan, 📖 104), walaupun kamera dibiarkan tidak aktif.
- Sebaik sahaja bateri tarikh/masa habis dicaskan, skrin [Hb/Masa] akan dipaparkan apabila anda menghidupkan kamera. Tetapkan tarikh dan masa yang betul seperti dijelaskan dalam “Menetapkan Tarikh dan Masa” (📖 18).


## Bahasa Paparan

Tukar bahasa paparan mengikut kesesuaian.



### 1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang [▶].



### 2 Akses skrin tetapan.

- Tekan dan tahan butang [⊕] dan kemudian tekan butang [MENU] dengan segera.

Français	Español	العربية
Nederlands	Ελληνικά	മലയാളം
Dansk	Русский	简体中文
Português	Polski	繁體中文
Suomi	Čeština	한국어
Italiano	Magyar	B.Malaysia
Українська	Tiếng Việt	Indonesia



- Masa semasa akan dipaparkan jika anda tunggu terlalu lama dalam langkah 2 selepas menekan butang [⊕], sebelum menekan butang [MENU]. Dalam keadaan ini, tekan butang [⊕] untuk membuang paparan masa dan ulangi langkah 2.
- Anda juga boleh menukar bahasa paparan dengan menekan butang [MENU] dan memilih [Bahasa] pada tab [YT].

### 3 Tetapkan bahasa paparan.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih bahasa dan kemudian tekan butang [⊕].
- Sebaik sahaja bahasa paparan ditetapkan, skrin tetapan tidak lagi dipaparkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



# Mencuba Kamera

► Imej Pegun ► Filem

Ikuti arahan berikut untuk menghidupkan kamera, menangkap imej pegun atau filem dan kemudian melihatnya.

## Penangkapan (Auto Pintar)

Untuk pemilihan automatik penuh pada tetapan optimum untuk suasana tertentu, biarkan kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan.



### 1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin permulaan dipaparkan.



### 2 Masuk ke mod [AUTO].

- Tetapkan dail mod ke [AUTO].
- Halakan kamera ke arah subjek. Kamera akan berbunyi klik sedikit ketika ia menentukan pemandangan.







- Ikon yang mewakili mod pemandangan dan penstabilan imej dipaparkan di bahagian atas sebelah kanan skrin.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar subjek yang dikesan menandakan subjek tersebut sedang dalam fokus.



### 3 Gubah tangkapan.

- Untuk zum masuk dan membesarkan subjek, gerakkan tuas zum ke arah [📷] (telefoto), dan untuk zum keluar dari subjek, gerakkannya ke arah [📷] (sudut lebar).



## 4 Tangkap.

### Menangkap Imej Pegun

#### 1) Fokus.

- Tekan butang pengatup dengan perlahan, separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali setelah fokus dan bingkai AF dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej yang dalam fokus.
- Jika [Naikkan flash] dipaparkan, naikkan denyar dengan jari anda untuk menyediakannya untuk penggunaan. Jika anda lebih suka tidak menggunakan denyar, tekannya ke bawah dengan jari anda, ke dalam kamera.

#### 2) Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Bunyi pengatup akan berbunyi ketika menangkap dan apabila anda menaikkan denyar dalam keadaan cahaya malap, denyar akan bernyala secara automatik.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.
- Selepas memaparkan tangkapan anda, kamera akan kembali ke skrin penangkapan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori


9 Lampiran

Indeks





(1)



## Merakam Filem

### 1) Mula merakam.



- Tekan butang filem. Kamera berbunyi bip sekali apabila rakaman bermula dan [●Rec] dipaparkan dengan masa berlalu (1).
- Bar hitam dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin dan subjek akan dibesarkan sedikit. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah yang dikesan menandakan wajah dikesan sedang dalam fokus.
- Sebaik sahaja rakaman bermula, jauhkan jari anda dari butang filem.

### 2) Selesai merakam.

- Tekan butang filem sekali lagi untuk menghentikan rakaman. Ketika rakaman dihentikan, kamera berbunyi bip dua kali.

## Melihat

Selepas menangkap imej atau merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.



### 1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang [▶].
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.

### 2 Semak lalu imej anda.

- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang [◀]. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang [▶].
- Untuk mengakses skrin ini (mod Paparan Tatal), tekan dan tahan butang [◀][▶] untuk sekurang-kurangnya satu saat. Dalam mod ini, tekan butang [◀][▶] untuk menyemak lalu imej.
- Tekan butang [⊞] untuk kembali ke paparan imej tunggal.
- Filem dikenal pasti dengan ikon [SET ▶]. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik


7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





### 3 Main filem.

- Tekan butang [⏮], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [⏮] sekali lagi.
- Main balik kini bermula dan setelah filem tamat, [SET ▶] dipaparkan.
- Untuk melaraskan volum, tekan butang [▲][▼].



- Untuk menukar ke mod Penangkapan dari mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah.

## Memadam Imej


Anda boleh memilih dan memadam imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan.

### 1 Pilih imej untuk dipadam.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.

### 2 Padam imej.

- Tekan butang [⏮].
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [⏮].
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pemadaman, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Batal] dan kemudian tekan butang [⏮].



- Anda boleh memilih berbilang imej untuk dipadam sekali gus (▶▶87).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks




# Panduan Lanjutan

# 1

## Asas Kamera


Operasi asas yang lain dan lebih banyak cara untuk menikmati kamera anda, termasuk pilihan penangkapan dan main balik

### Hidupkan/Matikan



#### Mod Penangkapan

- Tekan butang kuasa untuk menghidupkan kamera dan bersedia untuk penangkapan.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang kuasa sekali lagi.



#### Mod Main balik

- Tekan butang [▶] untuk menghidupkan kamera dan melihat tangkapan anda.
- Untuk mematikan kamera, tekan butang [▶] sekali lagi.



- Untuk menukar ke mod Main balik daripada mod Penangkapan, tekan butang [▶].
- Untuk menukar ke mod Penangkapan daripada mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah (⏏24).
- Lensa akan ditarik balik selepas kira-kira satu minit sebaik sahaja kamera berada dalam mod Main balik. Anda boleh matikan kamera apabila lensa ditarik balik dengan menekan butang [▶].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M


**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks



## Ciri Jimat Kuasa (Mati secara Auto)

Sebagai satu cara untuk menjimatkan kuasa bateri, kamera akan menyahaktifkan skrin secara automatik (Papan Dimatikan) dan kemudian terpadam dengan sendiri selepas tempoh ketidakaktifan yang tertentu.

### Jimat Kuasa dalam Mod Penangkapan

Skrin dinyahaktifkan secara automatik selepas ketidakaktifan selama kira-kira satu minit. Dalam kira-kira dua minit selepas itu, lensa ditarik balik dan kamera mematkan diri sendiri. Untuk mengaktifkan skrin dan bersedia untuk penangkapan apabila skrin dimatikan tetapi lensa masih di luar, tekan butang pengatup separuh ke bawah (📖24).

### Jimat Kuasa dalam Mod Main balik

Kamera mematkan sendiri secara automatik selepas ketidakaktifan selama kira-kira lima minit.




- Anda boleh menyahaktifkan Mati secara Auto dan melaraskan masa Papan Dimatikan, jika anda suka (📖98).
- Jimat kuasa tidak aktif semasa kamera disambung ke komputer (📖111).

## Butang Pengatup


Untuk memastikan tangkapan anda berada dalam fokus, sentiasa bermula dengan menahan butang pengatup separuh ke bawah dan sebaik sahaja subjek berada dalam fokus, tekan butang sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.

Dalam manual ini, operasi butang pengatup diterangkan sebagai menekan butang *separuh* atau *sepenuhnya ke bawah*.



### 1 Tekan separuh ke bawah. (Tekan dengan perlahan untuk fokus.)

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali dan bingkai AF dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang berada dalam fokus.



### 2 Tekan sepenuhnya ke bawah. (Dari posisi separa, tekan sepenuhnya untuk menangkap.)

- Kamera menangkap ketika bunyi pengatup dimainkan.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.



- Imej mungkin keluar dari fokus jika anda menangkap tanpa menekan butang pengatup separuh ke bawah terlebih dahulu.
- Panjang tempoh main balik bunyi pengatup berbeza bergantung pada masa yang diperlukan untuk tangkapan. Ia mungkin mengambil masa yang lebih lama dalam beberapa pemandangan penangkapan dan imej akan menjadi kabur jika anda menggerakkan kamera (atau subjek bergerak) sebelum bunyi pengatup berhenti.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori


9 Lampiran

Indeks



## Mod Penangkapan



Gunakan dail mod untuk mengakses setiap mod penangkapan.



- (1) Mod Auto / Mod Auto Hibrid  
Tangkapan automatik penuh, dengan tetapan yang ditetapkan oleh kamera (📖20, 📖29, 📖31).
- (2) Mod Kawalan Pandangan  
Langsung  
Sesuaikan kecerahan imej atau warna semasa menangkap (📖49).
- (3) Mod P, Tv, Av dan M  
Ambil pelbagai jenis gambar menggunakan tetapan kegemaran anda (📖60, 📖73).
- (4) Mod Filem  
Untuk merakam filem (📖58). Anda juga boleh merakam filem apabila dail mod tidak ditetapkan ke mod Filem, hanya dengan menekan butang filem.
- (5) Mod Penuras Kreatif  
Tambah pelbagai kesan kepada imej semasa menangkap (📖52).
- (6) Mod Pemandangan Khas  
Tangkap dengan tetapan optimum untuk pemandangan tertentu (📖51).
- (7) Mod Tangkapan Kreatif  
Anda boleh mengambil berbilang imej pegun yang mempunyai kesan dengan menggunakan tetapan ditentukan kamera (📖50).

## Pilihan Paparan Tangkapan

Tekan butang [▼] untuk melihat maklumat lain pada skrin atau untuk menyembunyikan maklumat. Untuk butiran tentang maklumat yang dipaparkan, lihat "Maklumat Pada Skrin" (📖126).

	Maklumat dipaparkan
	Tiada maklumat dipaparkan



- Kecerahan skrin bertambah secara automatik oleh fungsi pandangan malam apabila anda menangkap dalam cahaya malam, menjadikannya lebih mudah untuk memeriksa bagaimana tangkapan dihasilkan. Walau bagaimanapun, kecerahan imej pada skrin mungkin tidak sepadan dengan kecerahan tangkapan anda. Sila ambil perhatian bahawa apa-apa gangguan imej pada skrin atau gerakan subjek yang tersentak-sentak tidak akan mempengaruhi imej yang dirakam.
- Bagi pilihan paparan main balik, lihat "Menukar Mod Paparan" (📖77).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M

**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks



## Menggunakan Menu FUNC.

Konfigurasi fungsi yang biasa digunakan melalui menu FUNC. seperti berikut.

Sila ambil perhatian bahawa item menu dan pilihan berbeza bergantung pada mod penangkapan (📖130) atau mod main balik (📖136).



### 1 Akses menu FUNC.

- Tekan butang [FUNC].



(1)

### 2 Pilih item menu.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item menu (1) dan kemudian tekan butang [FUNC] atau [▶].
- Pilihan tersedia (2) disenaraikan di sebelah kanan item menu.
- Bergantung pada item menu, fungsi boleh ditentukan hanya dengan menekan butang [FUNC] atau [▶], atau skrin yang lain dipaparkan untuk mengkonfigurasi fungsinya.



### 3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih satu pilihan.
- Pilihan yang dilabelkan dengan ikon [MENU] boleh dikonfigurasi dengan menekan butang [MENU].
- Untuk kembali ke item menu, tekan butang [◀].



### 4 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang [FUNC].
- Skrin sebelum anda menekan butang [FUNC] pada langkah 1 akan dipaparkan semula, menunjukkan pilihan yang dikonfigurasi oleh anda.



- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera (📖102).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori


9 Lampiran

Indeks



# Menggunakan Skrin Menu

Konfigurasi pelbagai fungsi kamera melalui skrin menu seperti berikut. Item menu dikumpulkan berdasarkan fungsinya pada tab, seperti penangkapan [], main balik [] dan seterusnya. Sila ambil perhatian bahawa item menu yang disediakan bergantung pada mod penangkapan atau main balik yang dipilih ( 131 – 136).






## 1 Akses skrin menu.

- Tekan butang [MENU].



## 2 Pilih tab.

- Gerakkan tuas zum untuk memilih tab.
- Selepas anda memutar dail [] atau menekan butang [][] untuk memilih tab pada mulanya, anda boleh menukar antara tab dengan menekan butang [][].



- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera ( 102).

## 3 Pilih item menu.

- Tekan butang [][] untuk memilih item menu.
- Untuk pilihan dalam item menu yang tidak ditunjukkan, mula-mula tekan butang [] atau [] untuk menukar skrin dan kemudian tekan butang [][] untuk memilih item menu.
- Untuk kembali ke skrin sebelumnya, tekan butang [MENU].

## 4 Pilih pilihan.

- Tekan butang [][] untuk memilih satu pilihan.

## 5 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin yang dipaparkan sebelum anda menekan butang [MENU] dalam langkah 1.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Paparan Penunjuk

Penunjuk di belakang kamera (📖4) menyala atau berkelip bergantung pada status kamera.


Warna	Status Penunjuk	Status Kamera
Hijau	Hidup	Bersambung ke komputer (📖111) atau paparan dimatikan (📖24, 📖98, 📖98)
	Berkelip	Sedang bermula, merakam/membaca/menghantar imej atau menangkap pendedahan lama (📖73, 📖74)



- Apabila penunjuk berkelip hijau, jangan matikan kamera, buka penutup kad memori/bateri, goncang atau gerakkan kamera, ini mungkin merosakkan imej, kamera atau kad memori.

## Jam

Anda boleh memeriksa masa semasa.



- Tekan dan tahan butang [📷].
- Masa semasa muncul.
- Jika anda memegang kamera secara menegak semasa menggunakan fungsi jam, ia akan bertukar ke paparan menegak. Tekan butang [◀][▶] untuk menukar warna paparan.
- Tekan butang [📷] sekali lagi untuk membatalkan paparan jam.



- Apabila kamera dimatikan, tekan dan tahan butang [📷], kemudian tekan butang kuasa untuk memaparkan jam.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M

**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks



# 2

## Mod Auto / Mod Auto Hibrid

Mod senang bagi tangkapan mudah dengan kawalan yang lebih hebat

### Menangkap dengan Tetapan yang Ditetapkan oleh Kamera

Untuk pemilihan automatik penuh pada tetapan optimum untuk suasana tertentu, biarkan kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan.

#### Penangkapan (Auto Pintar)

► Imej Pegun ► Filem



#### 1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin permulaan dipaparkan.



#### 2 Masuk ke mod [AUTO].

- Tetapkan dail mod ke [AUTO].
- Halakan kamera ke arah subjek. Kamera akan berbunyi klik sedikit ketika ia menentukan pemandangan.
- Ikon yang mewakili mod pemandangan dan penstabilan imej dipaparkan pada bahagian kanan atas skrin (📖 33, 📖 34).
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar subjek yang dikesan menandakan subjek tersebut sedang dalam fokus.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik



7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





(1)  
(2)

### 3 Gubah tangkapan.



- Untuk zum masuk dan membesarkan subjek, gerakkan tuas zum ke arah [📷] (telefoto), dan untuk zum keluar dari subjek, gerakkannya ke arah [∞] (sudut lebar). (Bar zum (1) yang menunjukkan posisi zum dipaparkan, bersama dengan kawasan dalam fokus (2).)
- Untuk zum masuk atau keluar dengan cepat, gerakkan tuas zum ke arah [📷] (telefoto) atau [∞] (sudut lebar) dan untuk zum masuk atau keluar dengan perlahan, gerakkannya sedikit ke arah yang diinginkan.

### 4 Tangkap.


#### Menangkap Imej Pegun

#### 1) Fokus.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali setelah fokus dan bingkai AF dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej yang dalam fokus.
- Beberapa bingkai AF dipaparkan ketika beberapa kawasan berada dalam fokus.




- Jika [Naikkan flash] dipaparkan, naikkan denyar dengan jari anda untuk menyediakannya untuk penggunaan. Jika anda lebih suka tidak menggunakan denyar, tekannya ke bawah dengan jari anda, ke dalam kamera.



### 2) Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Bunyi pengatup akan berbunyi ketika menangkap dan apabila anda menaikkan denyar dalam keadaan cahaya malam, denyar akan bernyala secara automatik.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.
- Selepas memaparkan tangkapan anda, kamera akan kembali ke skrin penangkapan.



(1)

### Merakam Filem

#### 1) Mula merakam.

- Tekan butang filem. Kamera berbunyi bip sekali apabila rakaman bermula dan [●Rec] dipaparkan dengan masa berlalu (1).
- Bar hitam dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin dan subjek akan dibesarkan sedikit. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah yang dikesan menandakan wajah dikesan sedang dalam fokus.
- Sebaik sahaja rakaman bermula, jauhkan jari anda dari butang filem.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





## 2) Tukarkan saiz subjek dan gubah semula rakaman mengikut keperluan.

- Untuk menukar saiz subjek, ulangi operasi dalam langkah 3. Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa bunyi operasi kamera akan dirakam. Sila ambil perhatian bahawa filem yang dirakam pada faktor zum ditunjukkan dalam warna biru akan kelihatan berbintik.
- Apabila anda mengubah semula rakaman, fokus, kecerahan dan warna akan dilaraskan secara automatik.



## 3) Selesai merakam.

- Tekan butang filem sekali lagi untuk menghentikan rakaman. Ketika rakaman dihentikan, kamera berbunyi bip dua kali.
- Rakaman akan dihentikan secara automatik apabila kad memori menjadi penuh.

## Merakam dalam Mod Auto Hibrid

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh menghasilkan filem pendek bagi sesuatu hari hanya dengan menangkap imej-imej pegun. Kamera merakam klip-klip pemandangan selama 2 – 4 saat sebelum setiap tangkapan, yang kemudiannya akan digabungkan menjadi satu filem ikhtisar.



## 1) Masuk ke mod [AUTO].

- Ikuti langkah 2 dalam “Penangkapan (Auto Pintar)” (29) dan pilih [AUTO].



## 2) Gubah tangkapan.

- Ikuti langkah 3 – 4 dalam “Penangkapan (Auto Pintar)” (29) untuk mengubah tangkapan dan fokus.
- Untuk merakam filem ikhtisar yang lebih menarik, halakan kamera ke subjek selama kira-kira empat saat sebelum menangkap imej pegun.

## 3) Tangkap.

- Ikuti langkah 4 dalam “Penangkapan (Auto Pintar)” (29) untuk menangkap imej pegun.
- Kamera merakamkan imej pegun dan juga klip filem. Klip tersebut yang berakhir dengan imej pegun dan bunyi pengatup akan membentuk satu bab dalam filem ikhtisar.



- Hayat bateri lebih pendek dalam mod ini daripada mod [AUTO], kerana filem ikhtisar dirakamkan untuk setiap tangkapan.
- Filem ikhtisar mungkin tidak dirakamkan jika anda menangkap imej pegun sebaik sahaja menghidupkan kamera, memilih mod [AUTO] atau mengendalikan kamera dengan cara yang lain.
- Bunyi operasi kamera akan dirakamkan dalam filem ikhtisar.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





- Kualiti filem ikhtisar adalah [HD] dan tidak boleh ditukar.
- Bunyi tidak akan dimainkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah atau mencetus pemasar sendiri.
- Filem ikhtisar disimpan sebagai fail filem berasingan bagi kes berikut walaupun ia dirakam pada hari yang sama dalam mod [S].
  - Saiz fail filem ikhtisar mencapai kira-kira 4 GB atau jumlah masa rakaman mencapai kira-kira 29 minit dan 59 saat.
  - Filem ikhtisar dilindungi (84).
  - Tetapan waktu jimat siang (18) atau zon masa (97) ditukar.
  - Folder baharu dicipta (101).
- Bunyi pengatup yang dirakamkan tidak dapat diubah suai atau dipadam.
- Jika anda lebih suka merakam filem ikhtisar tanpa imej pegun, laraskan tetapan terlebih dahulu. Pilih MENU (27) > tab [ ] > [Jenis Digest] > [Tiada Pegun] (27).
- Bab-bab individu boleh diedit (95).

## ■ Main balik Filem Ikhtisar

Paparkan imej pegun yang ditangkap dalam mod [S] untuk memainkan filem ikhtisar atau tentukan tarikh filem ikhtisar yang ingin dimainkan (78).

## ■ Imej Pegun/Filem



- Jika kamera dihidupkan ketika butang [ ] ditahan ke bawah, kamera tidak akan berbunyi lagi. Untuk mengaktifkan bunyi sekali lagi, tekan butang [MENU] dan pilih [Bisu] pada tab [ ] dan kemudian tekan butang [ ] untuk memilih [Padam].

## ■ Imej Pegun



- Ikon [ ] yang berkelip memberi amaran bahawa imej mungkin kabur akibat goncangan kamera. Jika demikian, pasang kamera pada tripod atau gunakan cara yang lain untuk mencegah kamera bergerak.
- Jika tangkapan anda gelap walaupun denyar bernyala, gerak lebih dekat ke subjek itu. Untuk butiran tentang julat denyar, lihat "Julat Denyar" (138).
- Subjek mungkin terlalu dekat jika kamera hanya bip sekali apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Untuk butiran tentang julat pemfokusan (julat penangkapan), lihat "Julat Penangkapan" (139).
- Untuk mengurangkan mata merah dan membantu fokus, lampu boleh diaktifkan apabila menangkap dalam keadaan cahaya malap.
- Ikon [ ] yang berkelip dipaparkan apabila anda cuba menangkap, menunjukkan bahawa tangkapan tidak mungkin sehingga denyar telah dicaskan semula. Penangkapan boleh diteruskan ketika denyar bersedia, maka tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah dan tunggu atau lepaskan butang pengatup dan tekan sekali lagi.
- Walaupun anda boleh menangkap semula sebelum skrin penangkapan dipaparkan, tangkapan anda yang sebelumnya mungkin menentukan fokus, kecerahan dan warna yang digunakan.



- Anda boleh menukar jangka masa imej dipaparkan selepas tangkapan (47).

### Sebelum Penggunaan

### Panduan Asas

### Panduan Lanjutan

#### 1 Asas Kamera

#### 2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

#### 3 Mod Penangkapan Lain

#### 4 Mod P

#### 5 Mod Tv, Av dan M


#### 6 Mod Main balik

#### 7 Menu Tetapan

#### 8 Aksesori

#### 9 Lampiran


### Indeks



## Filem



- Sebelum merakam filem, turunkan denyar dengan jari anda. Berhati-hati supaya tidak menyentuh mikrofon (1) apabila merakam filem. Membiarkan denyar dinaikkan atau menghalang mikrofon mungkin menghalang bunyi daripada dirakam atau menyebabkan rakaman suara teredam.



- Elakkan daripada menyentuh kawalan kamera selain daripada butang filem apabila merakam filem, kerana bunyi yang dihasilkan oleh kamera akan dirakam.
- Sebaik sahaja rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembedaan bagi merakam kamera yang kuat. Untuk merakam subjek pada saiz sama yang dipaparkan sebelum merakam, laraskan tetapan penstabilan imej (ikon 72).



- Audio akan dirakam sebagai stereo.

## Ikon Pemandangan

► Imej Pegun ► Filem

Dalam mod **[AUTO]**, pemandangan penangkapan yang ditentukan oleh kamera ditunjukkan oleh ikon yang dipaparkan dan tetapan berkaitan akan dipilih secara automatik untuk fokus, kecerahan subjek dan warna yang optimum.

Latar belakang	Apabila Menangkap Orang			Warna Latar belakang Ikon
	Orang	Sedang Bergerak* <sup>1</sup>	Bayang pada Wajah* <sup>1</sup>	
Cerah				Kelabu
Cerah dan Cahaya belakang			-	
Dengan Langit Biru				Biru Muda
Langit Biru dan Cahaya belakang			-	
Lampu sorot				Biru Tua
Gelap				
Gelap, Menggunakan Tripod		-	-	

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto / Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M

**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks



Latar belakang	Apabila Menangkap Subjek Lain			Warna Latar belakang Ikon
	Subjek Lain	Sedang Bergerak* <sup>1</sup>	Dalam Julat Dekat	
Cerah				Kelabu
Cerah dan Cahaya belakang				
Dengan Langit Biru				Biru Muda
Langit Biru dan Cahaya belakang				
Matahari terbenam			–	Jingga
Lampu sorot				Biru Tua
Gelap				
Gelap, Menggunakan Tripod		–	–	

\*1 Tidak dipaparkan untuk filem.

\*2 Dipaparkan dalam pemandangan gelap apabila kamera dipegang dengan pegun seperti dipasang pada tripod.



- Cuba menangkap dalam mod (60) jika ikon pemandangan tidak padan dengan keadaan sebenar penangkapan atau jika tidak mungkin untuk menangkap dengan kesan, warna atau kecerahan yang anda jangkakan.

## Ikon Penstabilan Imej

► Imej Pegun ► Filem

Penstabilan imej yang optimum untuk keadaan penangkapan akan digunakan secara automatik (Intelligent IS). Tambahan pula, ikon berikut dipaparkan dalam mod dan .

	Penstabilan imej untuk imej pegun (Normal)
	Penstabilan imej untuk imej pegun apabila menyorot (Menyorot)*
	Penstabilan imej untuk tangkapan makro. Semasa rakaman filem,  dipaparkan dan penstabilan imej untuk rakaman filem makro digunakan (Hybrid IS).
	Penstabilan imej untuk filem, mengurangkan goncangan kamera yang kuat, seperti apabila merakam sambil berjalan (Dinamik)
	Penstabilan imej untuk goncangan kamera yang perlahan, seperti apabila merakam filem dengan telefoto (Dikuasakan)
	Tiada penstabilan imej, kerana kamera dipasang pada tripod atau dipegang stabil dengan cara lain. Walau bagaimanapun, semasa rakaman filem,  dipaparkan dan penstabilan imej untuk menentang angin atau sumber getaran yang lain digunakan (IS Tripod).

\* Dipaparkan apabila anda menyorot, mengikuti subjek yang sedang bergerak dengan kamera. Apabila anda mengikuti subjek yang bergerak secara mendatar, penstabilan imej hanya bertindak menentang goncangan kamera menegak dan penstabilan mendatar berhenti. Begitu juga, apabila anda mengikuti subjek yang bergerak secara menegak, penstabilan imej hanya berfungsi terhadap goncangan kamera mendatar.



- Untuk membatalkan penstabilan imej, tetapkan [Mod IS] ke [Padam] (72). Jika demikian, ikon IS tidak akan dipaparkan.
- Dalam mod , ikon tidak akan dipaparkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto / Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M

**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks



## Bingkai Pada Skrin

► Imej Pegun ► Filem

Dalam mod [AUTO], sebaik sahaja anda menghalakan kamera ke subjek dan kamera mengesan subjek itu, pelbagai bingkai akan dipaparkan.

- Bingkai putih dipaparkan di sekeliling subjek (atau wajah seseorang) yang ditentukan oleh kamera sebagai subjek utama dan bingkai kelabu dipaparkan di sekeliling wajah lain yang dikesan. Bingkai-bingkai mengikuti subjek yang bergerak dalam julat tertentu untuk mengekalkan mereka dalam fokus. Walau bagaimanapun, jika kamera mengesan pergerakan subjek, hanya bingkai putih dipaparkan pada skrin.
- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan kamera mengesan pergerakan subjek, bingkai biru akan dipaparkan dan fokus serta kecerahan imej akan dilaraskan secara berterusan (AF Servo).




- Cuba menangkap dalam mod [P] (60) jika tiada bingkai dipaparkan, jika bingkai tidak dipaparkan di sekeliling subjek diingini atau jika bingkai dipaparkan di latar belakang atau kawasan serupa.

## Ciri-Ciri Mudah dan Biasa

### Zum Lebih Dekat ke Subjek (Zum Digital)

► Imej Pegun ► Filem

Apabila subjek terlalu jauh untuk dibesarkan menggunakan zum optik, gunakan zum digital untuk pembesaran sehingga kira-kira 168x.




#### 1 Gerakkan tuas zum ke arah [▲].

- Tahan tuas sehingga zum berhenti.
- Zum berhenti pada kemungkinan terbesar faktor zum (sebelum imej menjadi terlalu berbintik) dan ia akan ditunjukkan pada skrin.

#### 2 Gerakkan tuas zum ke arah [▲] sekali lagi.

- Kamera zum masuk dengan lebih dekat kepada subjek.
- (1) adalah faktor zum semasa.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





- Menggerakkan tuas zum akan memaparkan bar zum (yang menunjukkan posisi zum). Warna bar zum akan bertukar bergantung pada julat zum.
  - Julat putih: julat zum optik yang mana imej tidak akan kelihatan berbintik.
  - Julat kuning: julat zum digital yang mana imej kelihatan tidak terlalu berbintik (ZumPlus).
  - Julat biru: julat zum digital yang mana imej akan kelihatan berbintik.
- Kerana julat biru tidak tersedia pada sesetengah tetapan resolusi (43), faktor zum maksimum boleh dicapai dengan mengikuti langkah 1.





- Untuk menyahaktifkan zum digital, pilih MENU (27) > tab [📷] > [Digital Zoom] > [Padam].

## Memperoleh Semula Subjek dengan Mudah selepas Mengezum secara Manual (Bantuan Pembesakan – Cari)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Jika anda kehilangan jejak subjek ketika mengezum masuk, anda boleh mencarinya dengan lebih mudah dengan mengezum keluar buat sementara.



### 1 Cari subjek yang hilang.

- Tekan dan tahan butang [📷].
- Kamera zum keluar dan memaparkan bingkai putih di sekitar kawasan yang ditunjukkan sebelum anda menekan butang [📷].

### 2 Peroleh semula subjek.

- Halakan kamera supaya subjek memasuki bingkai putih dan kemudian lepaskan butang [📷].
- Pembesaran sebelum ini dipulihkan, supaya kawasan di dalam bingkai putih akan memenuhi skrin sekali lagi.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





- Sesetengah maklumat tangkapan tidak dipaparkan apabila kamera dizum keluar.
- Semasa merakam filem, bingkai putih tidak dipaparkan jika anda menekan butang [□]. Ambil perhatian bahawa faktor zum yang ditukar dan bunyi operasi kamera dirakam.



- Jika anda lebih suka menangkap di faktor zum skrin di langkah 1, tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Anda boleh melaraskan faktor zum yang akan digunakan semula kamera selepas anda melepaskan butang [□] dengan menggerakkan tuas zum untuk menukar saiz bingkai putih semasa anda menahan butang [□].
- Untuk melaraskan kawasan yang dipaparkan apabila butang [□] ditekan, akses MENU (📖27) > tab [📷] > [□, Kaw papam], dan pilih salah satu daripada tiga pilihan (📖27).
- Faktor zum tidak boleh ditukar dengan butang [□] selepas anda tekan butang pengatup sepenuh ke bawah dalam mod pemasa kendiri (📖40).

## Mengubah Tangkapan dengan Senang selepas Mengezum secara Manual (Bantuan Pemanduan – Kunci)

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh mengurangkan goncangan kamera pada hujung telefoto, membuatkan ia lebih senang untuk mengubah tangkapan.



### 1 Memampasi goncangan kamera pada hujung telefoto.

- Tekan dan tahan butang [□]. [□] dipaparkan dan penstabilan imej optimum untuk penangkapan pada hujung telefoto diaplikasikan.



## 2 Tangkap.

- Semasa menahan butang [□], tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk fokus pada subjek dan kemudian tekan butang itu sepenuhnya ke bawah.



- Faktor zum tidak boleh dilaraskan dengan menekan butang [□] (📖36) semasa anda menahan ke bawah butang [□].
- Mengubah semula tangkapan sambil menahan butang [□] ke bawah mungkin menyebabkan penstabilan imej kurang berkesan. Dalam kes ini, [□] dipaparkan dalam warna kelabu. Jika ini terjadi, lepaskan butang [□], gubah tangkapan dan tekan ia sekali lagi.
- Jika anda mula merakam filem sambil menahan butang [□] ke bawah, penstabilan imej mungkin menyebabkan tangkapan digubah semula.



- Walaupun tiada ikon penstabilan imej ditunjukkan ketika anda menahan butang [□] ke bawah, penstabilan imej optimum untuk penangkapan pada hujung telefoto diaplikasikan.
- Untuk menala halus saiz subjek secara berperingkat, gerakkan tuas zum sambil menahan ke bawah butang [□].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran


Indeks



## Mengezum secara Auto untuk Mengekalkan Wajah pada Saiz yang Sama

► Imej Pegun ► Filem

Kamera zum masuk dan keluar secara automatik untuk mengekalkan wajah yang dikesan (📖67) pada saiz yang sama pada skrin. Jika orang tersebut mendekati kamera, kamera akan zum keluar secara automatik, dan begitu juga sebaliknya. Saiz ini boleh dilaraskan, jika perlu.



### 1 Masuk ke mod Auto 📷.

- Tekan dan lepaskan butang [📷] dengan cepat.
- [📷 Auto: On] dipaparkan.



### 2 Pilih wajah.

- [📷] dipaparkan sebaik sahaja wajah telah dikesan.
- Jika berbilang wajah dikesan, tekan butang [📷] untuk menukar kepada wajah untuk mengekalkan saiz yang sama.
- Kamera zum masuk dan keluar untuk membingkai wajah dengan [📷] pada saiz yang sama pada skrin.

### 3 Tangkap.

- Walaupun selepas anda menangkap, [📷] terus kekal berada di sekeliling wajah yang dipaparkan pada saiz yang sama.
- Untuk membatalkan paparan saiz wajah tetap, tekan butang [📷] sekali lagi. [📷 Auto: Padam] dipaparkan.

## Melaraskan Paparan Saiz Wajah Tetap



- Apabila [📷] Auto dihidupkan, tekan butang [⏪] atau putar dail [🔊] untuk memilih pilihan yang diinginkan.
- Kamera mengezum secara automatik untuk mengekalkan wajah pada saiz yang ditentukan.

Wajah	Kekalkan wajah sebesar yang boleh untuk menunjukkan ekspresi muka dengan jelas.
Badan Atas	Kekalkan wajah sekecil yang boleh untuk menunjukkan bahagian atas badan orang.
Seluruh Bdn	Kekalkan wajah sekecil yang boleh untuk menunjukkan seluruh badan orang.
Manual	Kekalkan wajah pada saiz yang ditentukan dengan menggerakkan tuas zum. Lepaskan tuas zum sebaik sahaja saiz yang diinginkan diperoleh.



- Wajah mungkin tidak dipaparkan pada saiz tetap di sesetengah faktor zum, atau jika kepala subjek miring atau menghadap kamera secara tidak langsung.
- Ketika rakaman filem, faktor zum yang ditukar dan bunyi operasi kamera akan dirakamkan.
- Apabila [📷] Auto dihidupkan, sesetengah maklumat tangkapan tidak dipaparkan dan sesetengah tetapan tangkapan tidak boleh dikonfigurasi.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan










8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





- Jika orang yang wajahnya berada dalam bingkai  bergerak ke hujung skrin, kamera akan mengezum keluar untuk mengekalkan orang tersebut dalam paparan.
- Dalam langkah 3, menukar  ke wajah lain dengan butang  tidak boleh dilakukan ketika rakaman filem.
- Faktor zum akan kekal sama selepas anda menekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah dalam mod pemasa sendiri ()40), walaupun saiz wajah relatif kepada skrin bertukar.
- Saiz wajah juga boleh dilaraskan dalam MENU ()27) > tab  >  Auto Settin] >  Zum Auto]. Anda boleh memilih [Padam] untuk menyahaktifkan ciri ini dan gunakan hanya ciri yang diterangkan dalam "Memperoleh Semula Subjek secara Mudah dengan Mengezum secara Auto (Bantuan Cari)".
- Anda boleh mengezum masuk atau keluar dengan tuas zum apabila [Wajah], [Badan Atas] atau [Seluruh Bdn] dipilih, tetapi faktor zum asal akan dipulihkan dalam masa beberapa saat selepas anda melepaskan tuas.
- Anda boleh membuang saiz muka yang anda tentukan semasa rakaman filem dengan menekan butang .
- Saiz muka tidak boleh ditukar semasa rakaman filem.

## Memperoleh Semula Subjek secara Mudah dengan Mengezum secara Auto (Bantuan Cari)

► Imej Pegun ► Filem

Jika anda kehilangan jejak subjek ketika zum masuk dan menggerakkan kamera untuk mencarinya, kamera akan mengesan pergerakan ini dan zum keluar secara automatik, menjadikannya lebih senang untuk mencari subjek.



### 1 Masuk ke mod Auto (38).



### 2 Cari subjek yang hilang.

- Apabila anda menggerakkan kamera untuk mencari subjek, kamera akan zum keluar untuk membantu anda mencari subjek tersebut.

### 3 Peroleh semula subjek.

- Sebaik sahaja anda menjumpai subjek tersebut dan berhenti menggerakkan kamera, kamera akan mengezum masuk sekali lagi.

### 4 Tangkap.

- Untuk membatalkan mod ini, tekan butang  sekali lagi.  Auto: Padam] dipaparkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





- Kamera tidak akan zum keluar secara otomatis semasa [C] dipaparkan sekeliling wajah yang dikesan, walaupun jika anda menggerakkan kamera.
- Apabila ciri yang diterangkan dalam "Mengezum secara Auto untuk Mengekalkan Wajah pada Saiz yang Sama" dinyahaktifkan, [C] dipaparkan sekeliling wajah yang dikesan dan kamera zum keluar secara automatik apabila bergerak.
- Pengezuman tidak boleh dilakukan ketika butang pengatup ditekan separuh ke bawah.
- Untuk menyahaktifkan ciri ini dan hanya menggunakan ciri yang diterangkan dalam "Mengezum secara Auto untuk Mengekalkan Wajah pada Saiz yang Sama", pilih MENU (27) > tab [C] > [C] Auto Settin > [Dapat Bantuan] > [Padam].

## Menggunakan Pemasa Kendiri

► Imej Pegun ► Filem

Dengan pemasa sendiri, anda boleh memasukkan diri sendiri ke foto berkumpulan atau tangkapan pemasa lain. Kamera akan menangkap kira-kira 10 saat selepas anda menekan butang pengatup.



### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [C], pilih [C] dalam menu dan kemudian pilih [C] (26).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [C] dipaparkan.




## 2 Tangkap.

- Untuk Imej Pegun: Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk fokus pada subjek dan kemudian tekan butang itu sepenuhnya ke bawah.
- Untuk Filem: Tekan butang filem.
- Sebaik sahaja anda memulakan pemasa sendiri, lampu akan berkelip dan kamera akan memainkan bunyi pemasa sendiri.
- Dua saat sebelum tangkapan, kelipan dan bunyi akan dipercepatkan. (Lampu akan kekal bercahaya jika denyar bernyala.)
- Untuk membatalkan penangkapan selepas anda mencetuskan pemasa sendiri, tekan butang [MENU].
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [C] pada langkah 1.

## Menggunakan Pemasa Kendiri untuk Mengelakkan Goncangan Kamera

► Imej Pegun ► Filem

Pilihan ini menanggukkan pelepasan pengatup hingga kira-kira dua saat selepas anda telah menekan butang pengatup. Jika kamera goyah ketika anda menekan butang pengatup, ia tidak akan mempengaruhi tangkapan anda.



- Ikuti langkah 1 dalam "Menggunakan Pemasa Kendiri" (40) dan pilih [C].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [C] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 dalam "Menggunakan Pemasa Kendiri" (40) untuk menangkap.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Menyesuaikan Pemasa Kendiri

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh menentukan tangguhan (0 – 30 saat) dan bilangan tangkapan (1 – 10).

### 1 Pilih [C].

- Ikuti langkah 1 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖40), pilih [C] dan tekan butang [MENU].



### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Tungguhan] atau [Imej].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih nilai dan kemudian tekan butang [OK].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [C] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖40) untuk menangkap.



- Bagi filem yang dirakam menggunakan pemasa kendiri, [Tungguhan] mewakili tangguhan sebelum rakaman bermula, tetapi tetapan [Imej] tidak memberi kesan.




- Apabila anda menentukan beberapa tangkapan, kecerahan imej dan white balance ditentukan oleh tangkapan pertama. Lebih banyak masa diperlukan antara tangkapan apabila denyar beryala atau apabila anda telah menentukan untuk membuat banyak tangkapan. Penangkapan akan berhenti secara automatik apabila kad memori menjadi penuh.
- Apabila tangguhan yang lebih panjang daripada dua saat ditetapkan, lampu akan berkelip dan bunyi pemasa kendiri akan dipercepatkan dua saat sebelum tangkapan. (Lampu akan kekal bercahaya jika denyar beryala.)

## Menambah Cop Tarikh

► Imej Pegun ► Filem

Kamera ini boleh menambah tarikh penangkapan kepada imej, di penjuruh bawah kanan.

Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa cop tarikh tidak boleh diedit atau dikeluarkan, jadi pastikan dahulu bahawa tarikh dan masa adalah betul (📖18).



- Cop Tarikh tidak boleh diedit atau dikeluarkan.

### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Cop Tarikh] pada tab [Imej] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖27).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [C] dipaparkan.

### 2 Tangkap.

- Semasa anda menangkap, kamera menambah tarikh atau masa penangkapan kepada imej di penjuruh bawah kanan imej.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks






- Tangkapan tanpa menambah cop tarikh boleh dicetak dengan cop tarikh seperti berikut. Namun, menambahkan cop tarikh dengan cara ini pada imej yang sudah mempunyai cop tarikh mungkin akan menyebabkannya dicetak dua kali.
  - Cetak menggunakan fungsi pencetak (📖113)
  - Gunakan tetapan cetak DPOF kamera (📖116) untuk mencetak
  - Gunakan perisian yang dimuat turun dari laman web Canon (📖110) untuk mencetak

## Penangkapan Berterusan

► Imej Pegun ► Filem

Dalam mod [AUTO], tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan. Untuk butiran tentang kelajuan penangkapan berterusan, lihat “Kelajuan Penangkapan Berterusan” (📖139).



### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [📷], tekan butang [◀][▶] untuk memilih [📷] dan kemudian tekan butang [🔧].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [📷] dipaparkan.

### 2 Tangkap.

- Tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.



- Semasa penangkapan berterusan, fokus dan pendedahan dikunci di posisi/aras yang ditentukan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Tidak boleh digunakan dengan pemasa sendiri (📖40).
- Penangkapan mungkin berhenti sebentar atau penangkapan gambar berterusan mungkin menjadi perlahan bergantung kepada keadaan penangkapan, tetapan kamera dan posisi zum.
- Apabila lebih banyak imej ditangkap, penangkapan mungkin menjadi perlahan.
- Penangkapan mungkin menjadi perlahan jika denyar menyala.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

**1** Asas Kamera

**2** Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

**3** Mod Penangkapan Lain

**4** Mod P

**5** Mod Tv, Av dan M


**6** Mod Main balik

**7** Menu Tetapan

**8** Aksesori

**9** Lampiran

Indeks




## Ciri Penyesuaian Imej

### Menukar Nisbah Bidang

► Imej Pegun ► Filem

Tukar nisbah bidang (nisbah lebar dan ketinggian) imej seperti berikut.



- Tekan butang [ⓘ], pilih [4:3] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖26).
- Sebaik sahaja tetapan telah selesai, nisbah bidang skrin akan dikemas kini.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [4:3].

16:9	Digunakan untuk dipaparkan pada HDTV skrin lebar atau peranti paparan serupa.
3:2	Nisbah bidang yang sama dengan filem 35 mm, digunakan untuk mencetak imej yang saiznya 5 x 7 inci atau saiz poskad.
4:3	Nisbah bidang natif skrin kamera juga digunakan pada televisyen definisi standard atau peranti paparan serupa atau digunakan untuk mencetak imej yang saiznya 3.5 x 5 inci atau saiz siri A.
1:1	Nisbah bidang segi empat sama.




- Tidak tersedia dalam mod [📷].

## Menukar Resolusi Imej (Saiz)

► Imej Pegun ► Filem

Pilih dari 4 aras resolusi imej, seperti berikut. Untuk panduan tentang jumlah tangkapan pada setiap tetapan resolusi yang boleh disimpan dalam satu kad memori, lihat "Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori" (📖138).



- Tekan butang [ⓘ], pilih [L] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖26).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [L].

### ► Panduan untuk Memilih Resolusi Berdasarkan Saiz Kertas (untuk imej 4:3)

L	A2 (16.5 x 23.4 inci)
M1	A3 – A5 (11.7 x 16.5 – 5.8 x 8.3 inci)
M2	3.5 x 5 inci, 5 x 7 inci, Poskad
S	Untuk menghantar e-mel dan tujuan yang serupa



- Tidak tersedia dalam mod [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran


Indeks



## Pembetulan Mata Merah



► Imej Pegun ► Filem

Mata merah yang berlaku dalam fotografi denyar boleh dibetulkan secara automatik seperti berikut.



### 1 Akses skrin [Settin Flash].

- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Flash] pada tab [📷] dan tekan butang [ⓘ] (📖27).



### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Koreksi Red-Eye] dan kemudian pilih [On] (📖27).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [👁] dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Padam].



- Pembetulan mata merah mungkin digunakan pada kawasan imej yang lain selain mata (misalnya, kamera menganggap solekan mata merah sebagai mata merah).




- Anda juga boleh membetulkan imej yang sedia ada (📖93).
- Anda juga boleh mengakses skrin dalam langkah 2 apabila denyar dinaikkan dengan menekan butang [▶] dan tekan butang [MENU] dengan segera.


## Menukar Kualiti Imej Filem

► Imej Pegun ► Filem

3 tetapan kualiti imej tersedia. Untuk panduan tentang panjang maksimum filem pada setiap aras kualiti imej yang boleh dimuatkan pada kad memori, lihat "Masa Rakaman bagi setiap Kad Memori" (📖138).



- Tekan butang [ⓘ], pilih [FHD] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖26).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [FHD].



Kualiti Imej	Resolusi	Kadar Bingkai	Terperinci
FHD	1920 x 1080	30 fps	Untuk rakaman dalam HD Penuh
LHD	1280 x 720	30 fps	Untuk rakaman dalam HD
VGA	640 x 480	30 fps	Untuk rakaman dalam definisi standard



- Dalam mod [FHD] dan [LHD], bar hitam yang dipaparkan di pinggir bahagian atas dan bawah skrin menunjukkan kawasan imej tidak dirakam.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks




## Ciri-Ciri Penangkapan Bermanfaat


### Memaparkan Garisan Grid

► Imej Pegun ► Filem

Garisan grid boleh dipaparkan pada skrin untuk rujukan mendatar dan menegak semasa menangkap.



- Tekan butang [MENU], pilih [Garisan Grid] pada tab [📷] dan kemudian pilih [On] (📖27).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, garisan grid akan dipaparkan pada skrin.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Padam].





- Garisan grid tidak dirakam dalam tangkapan anda.

## Membesarkan Kawasan dalam Fokus

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh periksa fokus dengan menekan butang pengatur separuh ke bawah, yang akan membesarkan kawasan imej dalam fokus dalam bingkai AF.



### 1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Titik zoom AF] pada tab [📷] dan kemudian pilih [On] (📖27).

### 2 Periksa Fokus.

- Tekan butang pengatur separuh ke bawah. Wajah yang dikesan sebagai subjek utama kini dibesarkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.



- Kawasan yang berada dalam fokus tidak dibesarkan dalam keadaan berikut apabila butang pengatur ditekan separuh ke bawah.
  - Jika wajah tidak dikesan, jika seseorang berada terlalu hampir dengan kamera dan wajah mereka terlalu besar untuk skrin atau jika kamera mengesan pergerakan subjek
  - Apabila zum digital digunakan (📖35)
  - Apabila Jejak AF digunakan (📖68)
  - Apabila TV digunakan sebagai paparan (📖106)
- Tidak tersedia dalam mod [📷].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori


9 Lampiran

Indeks



## Memeriksa Mata Tertutup

► Imej Pegun ► Filem

[>] dipaparkan apabila kamera mengesan mata orang yang mungkin tertutup.




### 1 Konfigurasikan tetapan.




- Tekan butang [MENU], pilih [Deteksi kedip] pada tab [>] dan kemudian pilih [On] (27).




### 2 Tangkap.


- [>] beryala apabila kamera mengesan mata orang yang tertutup.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.



- Apabila anda telah menentukan berbilang tangkapan dalam mod [>], fungsi ini hanya tersedia untuk tangkapan terakhir.
- Satu bingkai dipaparkan di sekeliling mata-mata orang tertutup apabila anda pilih [2 saat], [4 saat], [8 saat] atau [Tahan] dalam [Masa Paparan] (47).
- Ciri ini tidak tersedia dalam mod penangkapan gambar berterusan (42).

## Menyesuaikan Operasi Kamera

Sesuaikan fungsi penangkapan pada tab [>] bagi skrin menu seperti berikut.



Untuk arahan tentang fungsi menu, lihat “Menggunakan Skrin Menu” (27).

## Menyahaktifkan Lampu Bantuan AF

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh menyahaktifkan lampu yang biasanya menyala untuk membantu anda memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan cahaya malap.



- Tekan butang [MENU], pilih [Beam bantu AF] pada tab [>] dan kemudian pilih [Padam] (27).
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [On].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Menyahaktifkan Lampu Pengurang Mata Merah

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menyahaktifkan lampu pengurang mata merah yang menyala untuk mengurang mata merah apabila denyar digunakan dalam keadaan cahaya malam.

### 1 Akses skrin [Settin Flash].

- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Flash] pada tab [📷] dan tekan butang [ⓘ] (📖27).

### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Red-Eye Lamp] dan kemudian pilih [Padam] (📖27).
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [On].



## Menukar Gaya Paparan Imej selepas Tangkapan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menukar jangka masa imej yang dipaparkan dan jenis maklumat yang dipaparkan selepas penangkapan.


### 1 Menukar Jangka Paparan Imej selepas Tangkapan

#### 1 Akses skrin [Menyemk imej slps menangkap].

- Tekan butang [MENU], pilih [Menyemk imej slps menangkap] pada tab [📷] dan kemudian tekan butang [ⓘ] (📖27).

#### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Masa Paparan] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan.
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Cepat].



Cepat	Paparkan imej hanya hingga anda boleh menangkap semula.
2 saat, 4 saat, 8 saat.	Memaparkan imej sehingga masa yang ditentukan. Walaupun tangkapan sedang dipaparkan, anda boleh mengambil gambar yang lain dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah sekali lagi.
Tahan	Memaparkan imej hingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
Padam	Tiada imej dipaparkan selepas tangkapan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Menukar Skrin Dipaparkan selepas Tangkapan

Tukar gaya imej yang dipaparkan selepas tangkapan seperti berikut.

**1** Tetapkan [Masa Paparan] ke [2 saat], [4 saat], [8 saat] atau [Tahan] (📖47).

**2** Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Info Paparan] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Deaktif].



Deaktif	Hanya memaparkan imej.
Terperinci	Memaparkan butiran penangkapan (📖127).



- Apabila [Masa Paparan] (📖29) ditetapkan ke [Padam] atau [Cepat], [Info Paparan] akan ditetapkan ke [Deaktif] dan tidak boleh ditukar.
- Dengan menekan butang [▼] sambil imej dipaparkan selepas penangkapan, anda boleh menukar maklumat paparan. Ambil perhatian bahawa tetapan [Info Paparan] tidak ditukar. Anda juga boleh memadam imej dengan menekan butang [🗑️] atau melindungi (📖84) atau tag imej sebagai kesukaan (📖89) dengan menekan butang [👍].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

### Merakam Filem dengan Subjek Bersaiz Sama seperti Dipaparkan sebelum Penangkapan

► Imej Pegun ► Filem

Biasanya apabila rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembetulan bagi goncangan kamera yang kuat. Untuk merakam subjek pada saiz sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam, anda boleh memilih untuk tidak mengurangkan goncangan kamera yang kuat.



- Ikuti langkah-langkah dalam “Menukar Tetapan Mod IS” (72) untuk mengakses skrin [Setin IS].
- Pilih [IS Dinamik] dan kemudian pilih [2] (27).



- Anda juga boleh menetapkan [Mod IS] ke [Padam] supaya subjek dirakam pada saiz yang sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran


Indeks



# 5

## Mod Tv, Av dan M

Ambil tangkapan yang lebih bijak dan canggih



- Arahan dalam bab ini sesuai untuk kamera yang ditetapkan ke mod masing-masing.

## Kelajuan Pengatup Tertentu (Mod [Tv])

► Imej Pegun ► Filem

Tetapkan kelajuan pengatup yang diinginkan sebelum menangkap seperti berikut. Kamera melaraskan nilai apertur secara automatik supaya sesuai dengan kelajuan pengatup anda.

Bagi butiran mengenai kelajuan pengatup tersedia, lihat “Kelajuan Pengatup” (📖139).



### 1 Masuk ke mod [Tv].

- Tetapkan dail mod ke [Tv].

### 2 Tetapkan kelajuan pengatup.

- Putar dail [🔧] untuk menetapkan kelajuan pengatup.



- Dalam keadaan yang memerlukan kelajuan pengatup perlahan, mungkin terdapat penangguhan sebelum anda boleh menangkap sekali lagi kerana kamera sedang memproses imej untuk mengurangkan gangguan.
- Apabila menangkap pada kelajuan pengatup perlahan pada tripod, anda harus menetapkan [Mod IS] ke [Padam] (📖72).
- Dengan kelajuan pengatup 1.3 saat atau lebih perlahan, kelajuan ISO ialah  $\frac{ISO}{1000}$  dan tidak boleh ditukar.
- Paparan nilai apertur yang berwarna jingga apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah menunjukkan bahawa tetapan berbeza daripada pendedahan standard. Laraskan kelajuan pengatup sehingga nilai apertur dipaparkan sebagai putih atau gunakan anjakan keselamatan (📖74).



- [Tv]: Nilai masa

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Nilai Apertur Tertentu (Mod [Av])

► Imej Pegun ► Filem

Tetapkan nilai apertur yang diinginkan sebelum menangkap seperti berikut. Kamera melaraskan kelajuan pengatup secara automatik supaya sesuai dengan nilai apertur anda.

Bagi butiran mengenai nilai apertur, lihat “Apertur” (📖139).



### 1 Masuk ke mod [Av].

- Tetapkan dail mod ke [Av].

### 2 Tetapkan nilai apertur.

- Putar dail [🔆] untuk menetapkan nilai apertur.



- Paparan kelajuan pengatup yang berwarna jingga apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah menunjukkan bahawa tetapan berbeza daripada pendedahan standard. Laraskan nilai apertur sehingga kelajuan pengatup dipaparkan sebagai putih atau gunakan anjakan keselamatan (lihat di bawah).



- [Av]: Nilai apertur (saiz bukaan yang dibuat oleh iris dalam lensa)
- Untuk mengelakkan masalah pendedahan dalam mod [Tv] dan [Av], anda boleh mengatur kamera untuk melaraskan kelajuan pengatup atau nilai apertur secara automatik walaupun apabila pendedahan standard tidak boleh diperolehi. Tekan butang [MENU] dan tetapkan [Safety Shift] pada tab [📷] ke [On] (📖27). Walau bagaimanapun, anjakan keselamatan dilumpuhkan apabila denyar menyala.

## Kelajuan Pengatup dan Nilai Apertur Tertentu (Mod [M])

► Imej Pegun ► Filem

Ikuti langkah-langkah ini sebelum penangkapan untuk menetapkan kelajuan pengatup dan nilai apertur untuk memperoleh pendedahan yang diinginkan.

Bagi butiran mengenai kelajuan pengatup dan nilai apertur tersedia, lihat “Kelajuan Pengatup” (📖139) dan “Apertur” (📖139).



(1)

(2)

(3)

(4)

### 1 Masuk ke mod [M].

- Tetapkan dail mod ke [M].

### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [📷], pilih pelarasan kelajuan pengatup (1) atau nilai apertur (2) dan putar dail [🔆] untuk menentukan nilai.
- Satu tanda aras pendedahan (4) berdasarkan nilai yang ditentukan anda ditunjukkan pada penunjuk aras pendedahan untuk perbandingan dengan aras pendedahan standard (3).
- Tanda aras pendedahan ditunjukkan sebagai jingga apabila perbezaan daripada pendedahan standard melebihi 2 hentian. [-2] atau [+2] dipaparkan sebagai jingga di bahagian bawah kanan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





- Selepas anda menetapkan kelajuan pengatup atau nilai apertur, aras pendedahan mungkin bertukar jika anda melaraskan zum atau mengubah semua tangkapan.
- Kecerahan skrin mungkin bertukar bergantung kepada kelajuan pengatup atau nilai apertur yang anda tentukan. Walau bagaimanapun, kecerahan skrin kekal sama apabila denyar dinaikkan dan mod ditetapkan ke [⚡].
- Untuk melaraskan tetapan yang anda tidak konfigurasi dalam langkah 2 (sama ada kelajuan pengatup atau nilai apertur) secara automatik untuk memperoleh pendedahan standard, tahan butang pengatup separuh ke bawah dan tekan butang [⚡]. Sila ambil perhatian bahawa pendedahan standard mungkin tidak tersedia dengan sesetengah tetapan.
- Dengan kelajuan pengatup 1.3 saat atau lebih perlahan, kelajuan ISO ialah [ISO 100] dan tidak boleh ditukar.



- [M]: Manual
- Pengiraan pendedahan standard adalah berdasarkan kepada kaedah pemeteran yang ditentukan (61).

## Melaraskan Output Denyar

► Imej Pegun ► Filem

Pilih daripada tiga aras denyar dalam mod [M].



### 1 Masuk ke mod [M].

- Tetapkan dail mod ke [M].

### 2 Konfigurasikan tetapan.

- Naikkan denyar, tekan butang [▶] dan segera putar dail [☀️] untuk memilih aras denyar dan kemudian tekan butang [⊕].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [⚡] dipaparkan.



- Anda juga boleh menetapkan denyar dengan mengakses MENU (27) dan memilih tab [📷] > [Settin Flash] > [Output Flash].
- Anda boleh menetapkan aras denyar dalam mod [Tv] atau [Av] dengan mengakses MENU (27) dan memilih tab [📷] > [Settin Flash] > [Mod Flash] > [Manual].
- Anda juga boleh mengakses skrin MENU [Settin Flash] (27) apabila denyar dinaikkan dengan menekan butang [▶] dan menekan butang [MENU] dengan segera.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



# 6

## Mod Main balik

Nikmati hasil tangkapan anda dan semak lalu atau edit imej dengan pelbagai cara

- Bagi menyediakan kamera untuk operasi ini, tekan butang [▶] untuk masuk ke mod Main balik.




- Imej yang telah dinamakan semula atau telah diedit dalam komputer atau imej dari kamera lain mungkin tidak boleh dimainkan balik atau diedit.

## Melihat

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Selepas menangkap imej atau merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.




### 1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang [▶].
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.



### 2 Semak lalu imej anda.

- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang [◀]. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang [▶].



- Untuk mengakses skrin ini (mod Paparan Tatal), tekan dan tahan butang [◀][▶] untuk sekurang-kurangnya satu saat. Dalam mod ini, putar dail [◀][▶] untuk menyemak lalu imej.
- Tekan butang [⊞] untuk kembali ke paparan imej tunggal.
- Untuk menyemak lalu imej yang dikumpulkan berdasarkan tarikh penangkapan, tekan butang [▲][▼] dalam mod Paparan Tatal.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





- Filem dikenal pasti dengan ikon [SET ▶]. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.



### 3 Main filem.

- Untuk mula main balik, tekan butang [⏮], tekan butang [▶][⏪] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [⏮] sekali lagi.



(1)

### 4 Laraskan Volum.

- Tekan butang [▶][⏪] untuk melaras volum.
- Untuk melaras volum apabila penunjuk volum (1) tidak lagi dipaparkan, tekan butang [▶][⏪].

### 5 Jeda main balik.

- Untuk menjeda atau menyambung semula main balik, tekan butang [⏸].
- Selepas filem tamat, [SET ▶] dipaparkan.



- Untuk menukar ke mod Penangkapan dari mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Untuk menyahaktifkan Paparan Tatal, pilih MENU (📖27) > tab [▶] > [Paparan tatal] > [Padam].
- Untuk tangkapan terkini dipaparkan ketika anda masuk ke mod Main balik, pilih MENU (📖27) > tab [▶] > [Sambungan] > [Imej t'akhir].
- Untuk menukar peralihan yang ditunjukkan antara imej, akses MENU (📖27) dan pilih kesan yang dikehendaki dalam tab [▶] > [Transisi].

## Menukar Mod Paparan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tekan butang [⏪] untuk melihat maklumat lain pada skrin atau untuk menyembunyikan maklumat. Untuk butiran tentang maklumat yang dipaparkan, lihat "Main balik (Paparan Maklumat Terperinci)" (📖127).

	Tiada Maklumat Dipaparkan
	Paparan Maklumat Ringkas
	Paparan Maklumat Terperinci

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks




## Amaran Pendedahan Berlebih (untuk Sorotan Imej)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Bahagian terang pudar pada imej berkelip pada skrin dalam paparan maklumat terperinci (📖77).

## Histogram

▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Graf dalam paparan maklumat terperinci (📖77) adalah histogram yang menunjukkan pengagihan kecerahan pada imej. Paksi mendatar mewakili darjah kecerahan dan paksi menegak, mewakili jumlah imej yang ada dalam setiap tahap kecerahan. Melihat histogram adalah cara untuk memeriksa pendedahan.

## Melihat Filem Pendek yang Dicipta Apabila Menangkap Imej Pegun (Filem Ikhtisar)


▶ Imej Pegun ▶ Filem

Lihat filem ikhtisar yang dirakam secara automatik dalam mod [📷] (📖31) pada hari imej pegun ditangkap, seperti berikut.



### 1 Pilih satu imej.

- Imej pegun yang ditangkap dalam mod [📷] dilabelkan dengan ikon [SET 📷].



### 2 Mainkan filem.


- Tekan butang [🔍] dan pilih [📷] dalam menu (📖26).
- Filem yang dirakam secara automatik pada hari di mana imej pegun ditangkap, akan dimainkan balik, bermula daripada awal.



- Selepas seketika, [SET 📷] tidak akan dipaparkan lagi apabila anda menggunakan kamera dengan paparan maklumat yang telah dinyahaktifkan (📖77).

## Melihat mengikut Tarikh

Filem ikhtisar boleh dilihat berdasarkan tarikh.



### 1 Pilih filem.

- Tekan butang [MENU], pilih [Senarai/Main Video Digest] pada tab [▶] dan kemudian pilih tarikh (📖27).

### 2 Mainkan filem.

- Tekan butang [🔍] untuk memulakan main balik.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks




## Semak lalu dan Menuras Imej

### Mengemudi melalui Imej dalam Indeks

► Imej Pegun ► Filem

Dengan memaparkan berbilang imej dalam indeks, anda boleh menemui imej yang dicari dengan cepat.



#### 1 Paparkan imej dalam indeks.

- Gerakkan tuas zum ke arah untuk memaparkan imej dalam indeks. Gerakkan tuas sekali lagi akan meningkatkan jumlah imej yang ditunjukkan.
- Untuk mengurangkan bilangan imej yang dipaparkan, gerakkan tuas zum ke arah [Q]. Bilangan imej yang ditunjukkan akan semakin berkurang setiap kali anda menggerakkan tuas.



#### 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [][][][] untuk memilih imej.
- Bingkai jingga dipaparkan di sekeliling imej yang dipilih.
- Tekan butang [] untuk melihat imej yang dipilih dalam paparan imej tunggal.

## Mencari Imej yang Sepadan dengan Syarat yang Ditentukan

► Imej Pegun ► Filem

Cari imej yang diinginkan dengan cepat dalam kad memori yang dipenuhi imej dengan menuras paparan imej mengikut syarat yang telah anda tentukan. Anda juga boleh lindung (84) atau hapus (86) semua imej ini sekali gus.

Orang	Memaparkan imej dengan wajah yang dikesan.
Hb diambil	Memaparkan imej yang ditangkap pada tarikh tertentu.
Kesukaan	Memaparkan imej yang ditagkan sebagai kesukaan (89).
Imej pegun/Video	Memaparkan imej pegun, filem atau filem yang dirakam dalam mod [] (31).

#### 1 Pilih syarat carian.

- Tekan butang [], pilih [] dalam menu dan pilih keadaan (26).
- Selepas anda memilih [] atau [, pilih syarat dengan menekan butang [][][][] pada skrin yang dipaparkan dan kemudian tekan butang [].

#### 2 Lihat imej yang dituras.

- Imej yang sepadan dengan syarat anda dipaparkan dalam bingkai kuning. Untuk melihat hanya imej tersebut tekan butang [][].
- Untuk membatalkan paparan turasan, pilih [] dalam langkah 1.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





- Apabila kamera tidak menemui imej yang sesuai dengan sesetengah syarat, syarat tersebut tidak akan tersedia.



- Untuk memaparkan atau menyembunyikan maklumat, tekan butang [▼] dalam langkah 2.
- Pilihan untuk melihat imej yang ditemui (dalam langkah 2) termasuk "Mengemudi melalui Imej dalam Indeks" (📖79), "Membesarkan Imej" (📖82) dan "Melihat Persembahan Slaid" (📖82). Anda juga boleh menggunakan operasi imej pada semua imej yang ditemui, dengan memilih [Lindungi Semua Imej Carian] dalam "Melindungi Imej" (📖84) atau [Pilih semua imej dlm carian] dalam "Memadam Berbilang Imej Sekali gus" (📖87), "Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)" (📖116) atau "Menambah Imej ke Buku Foto" (📖118).
- Jika anda mengedit dan menyimpan imej tersebut sebagai imej baharu (📖90 – 📖95), satu mesej dipaparkan dan imej yang ditemui tidak lagi dipaparkan.



## 1 Pilih syarat.

- Pilih syarat (atau kaedah lompatan) dalam paparan imej tunggal dengan memutar dail [🌞] dan kemudian menekan butang [▲][▼].

## 2 Lihat imej yang sepadan dengan syarat yang anda tentukan atau langkau dengan jumlah yang ditentukan.

- Putar dail [🌞] untuk melihat hanya imej yang sepadan dengan syarat atau untuk melompat maju atau ke belakang mengikut jumlah imej yang ditentukan.



- Apabila kamera tidak menemui imej yang sesuai dengan sesetengah syarat, syarat tersebut tidak akan tersedia.



- Memutar dail [🌞] ketika menyemak lalu imej dalam paparan indeks akan melompat ke imej sebelumnya atau seterusnya mengikut kaedah lompatan yang anda pilih dalam paparan imej tunggal. Walau bagaimanapun, jika anda telah memilih [🔍] atau [📄], kaedah lompatan akan ditukarkan ke [🔍].
- Pilihan untuk melihat imej yang ditemui (dalam langkah 2) termasuk "Mengemudi melalui Imej dalam Indeks" (📖79), "Membesarkan Imej" (📖82) dan "Melihat Persembahan Slaid" (📖82). Anda juga boleh menggunakan operasi imej pada semua imej yang ditemui, dengan memilih [Lindungi Semua Imej Carian] dalam "Melindungi Imej" (📖84) atau [Pilih semua imej dlm carian] dalam "Memadam Berbilang Imej Sekali gus" (📖87), "Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)" (📖116) atau "Menambah Imej ke Buku Foto" (📖118).
- Jika anda mengedit dan menyimpan imej tersebut sebagai imej baharu (📖90 – 📖93), satu mesej dipaparkan dan imej yang ditemui tidak lagi dipaparkan.

## Menggunakan Dail Depan untuk Melompat antara Imej

🌟 Mara ke Favorit	Memaparkan imej yang ditagkan sebagai kesukaan (📖89).
🔍 Mara ke hb imej	Lompat ke imej pertama dalam setiap kumpulan imej yang ditangkap pada tarikh yang sama.
📄 Mara 10 Imej	Lompat 10 imej pada satu-satu masa.
📄 Mara 100 Imej	Lompat 100 imej pada satu-satu masa.

### Sebelum Penggunaan

### Panduan Asas

### Panduan Lanjutan

#### 1 Asas Kamera

#### 2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

#### 3 Mod Penangkapan Lain

#### 4 Mod P

#### 5 Mod Tv, Av dan M

#### 6 Mod Main balik

#### 7 Menu Tetapan

#### 8 Aksesori

#### 9 Lampiran

### Indeks



## Melihat Imej Individu dalam Kumpulan


► Imej Pegun ► Filem

Imej yang ditangkap dalam mod [📷] atau [📷] (📖50, 📖58) dikumpulkan untuk dipapar, dan imej berkumpulan ini boleh dilihat satu demi satu.



### 1 Pilih imej berkumpulan.

- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih imej yang dilabelkan dengan [SET 📷].



### 2 Pilih [📷].

- Tekan butang [📷] dan pilih [📷] di dalam menu (📖26).



### 3 Lihat imej dalam kumpulan secara individu.

- Menekan butang [⏪][⏩] akan memaparkan hanya imej dalam kumpulan.
- Untuk membatalkan main balik kumpulan, tekan butang [📷], pilih [📷] dalam menu dan tekan butang [📷] sekali lagi (📖26).



- Semasa main balik kumpulan (langkah 3), anda boleh menggunakan fungsi menu yang diakses dengan menekan butang [📷]. Anda juga boleh menyemak lalu imej dengan cepat "Mengemudi melalui Imej dalam Indeks" (📖79) dan memperbesarkannya "Membesarkan Imej" (📖82). Dengan memilih [Lindungi Semua Imej Carian] dalam "Melindungi Imej" (📖84) atau [Semua Imej dlm Kump] dalam "Memadam Berbilang Imej Sekali gus" (📖87), "Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)" (📖116) atau "Menambah Imej ke Buku Foto" (📖118), semua imej dalam kumpulan boleh dimanipulasi sekali gus.
- Untuk membatalkan pengumpulan imej supaya imej-imej hanya dipaparkan sebagai imej pegun tunggal, pilih MENU (📖27) > tab [📷] > [Kump. imej] > [Padam] (📖27). Walau bagaimanapun, imej berkumpulan tidak boleh dipisahkan dari kumpulannya semasa main balik individu.
- Dalam mod [📷], paparan serentak selepas langkah 2 di "Menikmati Pelbagai Imej daripada Setiap Tangkapan (Tangkapan Kreatif)" (📖50) hanya ditunjukkan sejeurus selepas anda menangkap.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran


Indeks



## Pilihan Melihat Imej

### Membesarkan Imej

► Imej Pegun ► Filem



#### 1 Membesarkan imej.

- Gerakkan tuas zum ke arah [Q] akan zum masuk dan membesarkan imej dan [SET] dipaparkan. Anda boleh membesarkan imej sehingga kira-kira 10x dengan terus menahan tuas zum.
- Posisi anggaran kawasan dipaparkan (1) ditunjukkan sebagai rujukan.
- Untuk zum keluar, gerakkan tuas zum ke arah [Q]. Anda boleh kembali ke paparan imej tunggal dengan terus menahan tuas zum.

#### 2 Gerakkan posisi paparan dan tukar imej mengikut keperluan.

- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Ketika [SET] dipaparkan, anda boleh menukar ke [SET] dengan menekan butang [⊕]. Untuk bertukar ke imej yang lain ketika zum, tekan butang [◀][▶]. Tekan butang [⊕] sekali lagi untuk mengembalikan tetapan asal.



- Anda boleh kembali ke paparan imej tunggal dari paparan dibesarkan dengan menekan butang [MENU].

## Melihat Persembahan Slaid

► Imej Pegun ► Filem

Main balik imej secara automatik dari kad memori seperti berikut. Setiap imej dipaparkan kira-kira tiga saat.



- Tekan butang [⊕], pilih [⊕] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (26).
- Persembahan slaid akan bermula selepas [Pemuatan imej] dipaparkan untuk beberapa saat.
- Tekan butang [MENU] untuk menghentikan persembahan slaid.



- Fungsi jimat kuasa kamera (24) dinyahaktifkan semasa persembahan slaid.



- Untuk menjeda atau menyambung semula persembahan slaid, tekan butang [⊕].
- Anda boleh menukar ke imej yang lain semasa main balik dengan menekan butang [◀][▶]. Untuk maju cepat atau mundur cepat, tahan butang [◀][▶] ke bawah.
- Dalam mod carian imej (79), hanya imej sepadan dengan syarat carian dipaparkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Mengubah Tetapan Persembahan Slaid

Anda boleh menetapkan persembahan slaid supaya diulang semula dan anda boleh menukar peralihan antara imej dan tempoh paparan setiap imej.

### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Transisi Slaid] pada tab [▶] (📖27).



### 2 Konfigurasi tetapan.

- Pilih satu item menu untuk dikonfigurasi dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖27).
- Untuk memulakan persembahan slaid dengan tetapan anda, pilih [Mula] dan tekan butang [📷].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].



- [Masa Main] tidak boleh diubah ketika [Buih] dipilih dalam [Efek].

## Main balik Auto bagi Imej Berkaitan (Kocok Pintar)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Berdasarkan imej semasa, kamera menawarkan empat imej yang mungkin ingin anda lihat. Selepas anda memilih untuk melihat salah satu dari imej tersebut, kamera menawarkan empat gambar lagi. Ini adalah cara yang menyenangkan untuk bermain balik imej dalam susunan yang tidak dijangka. Cuba ciri ini setelah anda mengambil banyak tangkapan, dalam pelbagai pemandangan.



### 1 Pilih Kocok Pintar.

- Tekan butang [📷] dan pilih [📷] dalam menu (📖26).
- Empat imej calon dipaparkan.



### 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih imej yang ingin anda lihat seterusnya.
- Imej yang dipilih oleh anda dipaparkan di tengah, dikelilingi oleh empat imej calon yang seterusnya.
- Untuk paparan skrin penuh imej tengah, tekan butang [📷]. Untuk mengembalikan paparan asal, tekan butang [📷] sekali lagi.
- Tekan butang [MENU] untuk mengembalikan paparan imej tunggal.



- Kocok Pintar tidak tersedia dalam keadaan berikut:
  - Kurang daripada 50 tangkapan diambil dengan kamera ini
  - Imej yang tidak disokong dipaparkan
  - Imej ditunjukkan dalam paparan penurunan (📖79)
  - Semasa main balik kumpulan (📖81)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Melindungi Imej

► Imej Pegun ► Filem

Lindungi imej yang penting untuk menghalang pepadaman yang tidak sengaja oleh kamera (📖86).



- Tekan butang [🔒] dan pilih [🔒] dalam menu (📖26). [Dilindungi] dipaparkan.
- Untuk membatalkan perlindungan, ulangi proses ini dan pilih [🔒] sekali lagi dan kemudian tekan butang [🔒].





- Imej yang dilindungi pada kad memori akan dipadam jika anda memformat kad (📖99, 📖100).



- Imej yang dilindungi tidak boleh dipadam menggunakan fungsi pepadaman kamera. Untuk memadam imej tersebut dengan cara ini, batalkan perlindungan terlebih dahulu.

## Menggunakan Menu



### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Lindung] pada tab (▶) (📖27).

### 2 Pilih Kaedah Pemilihan.

- Pilih item menu dan pilihan seperti yang diinginkan (📖27).
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Memilih Imej secara Individu

### 1 Pilih [Pilih].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (84), pilih [Pilih] dan tekan butang [OK].




### 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [OK]. [OK] dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [ESC] sekali lagi. [OK] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.

### 3 Lindungi imej.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].



- Imej tidak akan dilindungi jika anda menukar ke mod Penangkapan atau mematikan kamera sebelum menyelesaikan proses penyediaan dalam langkah 3.

## Memilih Julat

### 1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (84), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [OK].



### 2 Pilih imej permulaan.

- Tekan butang [OK].



- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [OK].

### 3 Pilih imej akhir.

- Tekan butang [▶] untuk memilih [Imej Terakhir] dan kemudian tekan butang [OK].



- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [OK].

- Imej sebelum imej yang pertama tidak boleh dipilih sebagai imej terakhir.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





#### 4 Lindungi imej.

- Tekan butang [▼] untuk memilih [Lindungi] dan kemudian tekan butang [OK].




- Untuk membatalkan perlindungan kumpulan imej, pilih [Membuka kunci] dalam langkah 4.

### Melindungi Semua Imej Sekali gus

#### 1 Pilih [Lindungi Semua Imej].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (84), pilih [Lindungi Semua Imej] dan tekan butang [OK].



#### 2 Lindungi imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [OK].

### Membuang Semua Perlindungan Sekali gus

Anda boleh membuang perlindungan daripada semua imej sekali gus. Untuk membuang perlindungan, pilih [Nyahlindeung Semua Imej] dalam langkah 1 “Melindungi Semua Imej Sekali gus”, dan kemudian lengkapkan langkah 2.

## Memadam Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh memilih dan memadam imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (84) tidak boleh dipadam.

#### 1 Pilih imej untuk dipadam.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.

#### 2 Padam imej.

- Tekan butang [🗑️].
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [OK].
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pemadaman, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Batal] dan kemudian tekan butang [OK].



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran


Indeks



## Memadam Berbilang Imej Sekali gus

Anda boleh memilih berbilang imej untuk dipadam sekali gus. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (🔒84) tidak boleh dipadam.

### Memilih Kaedah Pemilihan



#### 1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Padam] pada tab [▶] (📖27).



#### 2 Pilih Kaedah Pemilihan.

- Pilih item menu dan pilihan seperti yang diinginkan (📖27).
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].

## Memilih Imej secara Individu



#### 1 Pilih [Pilih].


- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖87), pilih [Pilih] dan tekan butang [🔒].

#### 2 Pilih satu imej.

- Sebaik sahaja anda memilih imej mengikut langkah 2 dalam “Memilih Imej secara Individu” (📖85), [✓] akan dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [🔒] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.

#### 3 Padam imej.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [🔒].



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Memilih Julat

### 1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (87), pilih [Pilih] dan tekan butang [OK].

### 2 Pilih imej.

- Ikuti langkah 2 - 3 dalam “Memilih Julat” (85) untuk menentukan imej.

### 3 Padam imej.

- Tekan butang [▼] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [OK].




## Menentukan Semua Imej Sekali gus

### 1 Pilih [Pilih semua imej].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (87), pilih [Pilih Semua imej] dan tekan butang [OK].

### 2 Padam imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [OK].



## Memutar Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Ubah orientasi imej dan simpannya seperti berikut.



### 1 Pilih [OK].

- Tekan butang [OK] dan pilih [OK] di dalam menu (26).



### 2 Putar imej.

- Tekan butang [◀] atau [▶], bergantung pada arah yang diinginkan. Setiap kali anda menekan butang, imej diputar sebanyak 90°. Tekan butang [OK] untuk melengkapkan tetapan.

## Menggunakan Menu



### 1 Pilih [Putar].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Putar] pada tab [▶] (27).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks





## 2 Putar imej.


- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.
- Imej diputar sebanyak 90° setiap kali anda menekan butang [🔄].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].



- Putaran tidak berfungsi apabila [Putaran Auto] ditetapkan ke [Padam] (📖89).

## Menyahaktifkan Putaran Auto

Ikuti langkah ini untuk menyahaktifkan putaran imej automatik, yang memutar imej mengikut orientasi semasa kamera.



- Tekan butang [MENU], pilih [Putaran Auto] pada tab [▶] dan kemudian pilih [Padam] (📖27).




- Imej tidak boleh diputar (📖88) apabila anda menetapkan [Putaran Auto] ke [Padam]. Selain itu, imej yang telah diputar akan dipaparkan dalam orientasi asal.
- Dalam mod Kocok Pintar (📖83), walaupun [Putaran Auto] ditetapkan ke [Padam], imej yang ditangkap secara menegak akan dipaparkan secara menegak dan imej yang diputar akan dipaparkan dalam orientasi yang diputar.

## Mengetag Imej sebagai Kesukaan

▶ Imej Pegun ▶ Filem


Anda boleh menyusun imej dengan mengetag imej tersebut sebagai kesukaan. Dengan memilih kategori dalam paparan penurasan, anda boleh mengehadkan operasi berikut kepada semua imej tersebut.

- “Melihat” (📖76), “Melihat Persembahan Slaid” (📖82), “Melindungi Imej” (📖84), “Memadam Imej” (📖86), “Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)” (📖116), “Menambah Imej ke Buku Foto” (📖118)



- Tekan butang [🌟] dan pilih [★] di dalam menu (📖26).
- [Tnda sbg. kesukaan] dipaparkan.
- Untuk membatalkan tag, ulangi proses ini dan pilih [★] sekali lagi dan kemudian tekan butang [🌟].

## Menggunakan Menu



### 1 Pilih [Kesukaan].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Kesukaan] pada tab [▶] (📖27).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran


Indeks





## 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⊕]. [★] dipaparkan.
- Untuk membatalkan tag imej tersebut, tekan butang [⊕] sekali. [★] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk memilih imej tambahan.



## 3 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [⊕].



- Imej tidak akan ditagkan sebagai kesukaan jika anda menukar ke mod Penangkapan atau matikan kamera sebelum menyelesaikan proses persediaan dalam langkah 3.



- Imej kesukaan akan mempunyai penarafan tiga bintang (★★★☆☆) apabila dipindahkan ke komputer yang menggunakan Windows 8 atau Windows 7. (Tidak digunakan untuk filem.)

## Mengedit Imej Pegun




- Pengeditan imej (📖90 – 📖93) hanya tersedia apabila kad memori mempunyai ruang kosong yang mencukupi.

## Menukar Saiz Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Simpan imej salinan pada resolusi rendah.



### 1 Pilih [Tukar Saiz].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Tukar Saiz] pada tab (▶) (📖27).

### 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⊕].

### 3 Pilih saiz imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih saiz dan kemudian tekan butang [⊕].
- [Simpan imej baru?] dipaparkan.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran


Indeks





#### 4 Simpan imej baru.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.



#### 5 Semak imej baru.

- Tekan butang [MENU]. [Papar imej baru?] dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ya] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Imej yang disimpan kini dipaparkan.



- Pengeditan tidak boleh dilakukan untuk imej yang ditangkap pada resolusi [S] (📖43).




- Imej tidak boleh ditukar saiz ke resolusi yang lebih tinggi.

## Memotong


▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menentukan satu bahagian daripada imej untuk disimpan sebagai fail imej berasingan.



#### 1 Pilih [Memotong].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Memotong] pada tab [▶] (📖27).



#### 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⊕].

#### 3 Laraskan kawasan yang dipotong.

- Bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang akan dipotong (1).
- Imej asal akan ditunjukkan di bahagian kiri atas, dan pratonton imej yang dipotong (2) ditunjukkan di bahagian kanan bawah. Anda juga boleh melihat resolusi selepas pemotongan (3).
- Untuk menukar saiz bingkai, gerakkan tuas zum.
- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Untuk menukar orientasi bingkai, tekan butang [⊕].
- Wajah yang dikesan dalam imej dibingkaikan dalam bingkai kelabu di bahagian atas kiri imej. Untuk memotong imej mengikut bingkai ini, putar dail [☀️] untuk tukar ke bingkai yang lain.
- Tekan butang [MENU].


#### 4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖90).



- Pengeditan tidak boleh dilakukan bagi imej yang ditangkap dengan resolusi [S] (📖43) atau ditukar saiz ke [S] (📖90).

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
<b>1</b> Asas Kamera
<b>2</b> Mod Auto / Mod Auto Hibrid
<b>3</b> Mod Penangkapan Lain
<b>4</b> Mod P
<b>5</b> Mod Tv, Av dan M
<b>6</b> Mod Main balik
<b>7</b> Menu Tetapan
<b>8</b> Aksesori
<b>9</b> Lampiran
Indeks






- Imej yang disokong untuk pemotongan akan memiliki nisbah bidang yang sama setelah pemotongan.
- Imej yang dipotong akan mempunyai resolusi yang lebih rendah daripada imej yang tidak dipotong.

## Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh melaras warna imej dan menyimpan imej yang telah diedit sebagai fail yang berasingan. Untuk butiran bagi setiap pilihan, lihat “Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)” (📖63).



### 1 Pilih [My Colors].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [My Colors] pada tab [▶] (📖27).

### 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [📷].

### 3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [📷].



### 4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖90).



- Kualiti imej yang diedit berulang kali dengan cara ini akan berkurangan setiap kali diedit dan anda mungkin tidak boleh mendapatkan warna yang diinginkan.




- Warna imej yang diedit menggunakan fungsi ini mungkin berbeza sedikit daripada warna imej yang ditangkap menggunakan Warna Saya (📖63).

## Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kawasan imej gelap yang berlebihan (seperti wajah atau latar belakang) boleh dikesan dan dilaraskan secara automatik ke kecerahan optimum. Kontras imej keseluruhan yang tidak mencukupi juga dibetulkan secara automatik untuk membuat subjek lebih menonjol. Pilih daripada empat tahap pembetulan dan kemudian simpan imej sebagai fail berasingan.



### 1 Pilih [i-Contrast].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [i-Contrast] pada tab [▶] (📖27).

### 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [📷].

### 3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [📷].



## Sebelum Penggunaan

### Panduan Asas

### Panduan Lanjutan

#### 1 Asas Kamera

#### 2 Mod Auto / Mod Auto Hibrid

#### 3 Mod Penangkapan Lain

#### 4 Mod P

#### 5 Mod Tv, Av dan M


#### 6 Mod Main balik

#### 7 Menu Tetapan

#### 8 Aksesori

#### 9 Lampiran

## Indeks



#### 4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖90).



- Bagi sesetengah imej, pembetulan mungkin tidak tepat atau mungkin menyebabkan imej kelihatan berbintik.
- Imej mungkin kelihatan berbintik setelah diedit berulang kali menggunakan fungsi ini.




- Jika [Auto] tidak menghasilkan hasil yang diinginkan, cuba betulkan imej menggunakan [Rendah], [Sederhana] atau [Tinggi].

## Membetulkan Mata Merah

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Membetulkan imej yang dipengaruhi oleh mata merah secara automatik. Anda boleh menyimpan imej yang telah dibetulkan sebagai fail berasingan.



#### 1 Pilih [Koreksi Red-Eye].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Koreksi Red-Eye] pada tab [▶] (📖27).

#### 2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.

#### 3 Betulkan imej.

- Tekan butang [👁️].
- Mata-merah yang dikesan oleh kamera kini telah dibetulkan dan bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang dibetulkan.
- Besarkan atau kecilkan imej mengikut keperluan. Ikuti langkah dalam “Membesarkan Imej” (📖82).



#### 4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Fail Baru] dan kemudian tekan butang [👁️].
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.
- Ikuti langkah 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖90).



- Sesetengah imej mungkin tidak dibetulkan dengan tepat.
- Untuk menulis ganti imej asal dengan imej yang dibetulkan, pilih [Simpan pd asal] dalam langkah 4. Dalam keadaan ini, imej asal akan dipadam.
- Imej dilindungi tidak boleh ditulis ganti.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran


Indeks



## Mengedit Filem


► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh memotong filem untuk mengeluarkan bahagian yang tidak diperlukan pada bahagian awal atau akhir.



### 1 Pilih [F9].

- Ikuti langkah 1 – 5 dalam “Melihat” (📖76), pilih [F9] dan tekan butang [F10].
- Panel dan bar pengeditan filem kini dipaparkan.



### 2 Tentukan bahagian untuk dipotong.

- (1) ialah panel mengedit filem dan (2) ialah bar mengedit.
- Tekan butang [F9][F10] untuk memilih [F10] atau [F11].
- Untuk melihat bahagian yang boleh anda potong (dikenal pasti dengan [F10] pada skrin), tekan butang [F11][F12] untuk memindah [F12]. Potong bahagian permulaan filem (dari [F10]) dengan memilih [F11] dan potong bahagian akhir filem dengan memilih [F12].
- Jika anda memindahkan [F12] ke posisi selain tanda [F10], dalam [F11] bahagian sebelum tanda [F10] terdekatan pada bahagian kiri akan dipotong, sementara pada [F12] bahagian setelah tanda [F10] terdekatan pada bahagian kanan akan dipotong.

### 3 Semak filem yang telah diedit.

- Tekan butang [F9][F10] untuk memilih [F10] dan kemudian tekan butang [F11]. Filem yang diedit kini dimainkan.
- Untuk mengedit filem sekali lagi, ulangi langkah 2.
- Untuk membatalkan pengeditan, tekan butang [F9][F10] untuk memilih [F10]. Tekan butang [F11], tekan butang [F12][F13] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [F11] sekali lagi.



### 4 Simpan filem yang diedit.

- Tekan butang [F9][F10] untuk memilih [F10] dan kemudian tekan butang [F11].
- Tekan butang [F9][F10][F11][F12] untuk memilih [Fail Baru] dan kemudian tekan butang [F11].
- Filem ini kini disimpan sebagai fail baru.



- Untuk menulis ganti filem asal dengan filem yang dipotong, pilih [Simpan pd asal] dalam langkah 4. Dalam keadaan ini, filem asal akan dipadamkan.
- Jika ruang penyimpanan pada kad memori tidak mencukupi, hanya [Simpan pd asal] yang akan tersedia.
- Filem mungkin tidak disimpan jika pek bateri kehabisan kuasa ketika proses penyimpanan sedang berjalan.
- Apabila mengedit filem, anda harus menggunakan pek bateri yang dicas sepenuhnya atau kit penyesuai AC (dijual berasingan, 📖104).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



## Mengedit Filem Ikhtisar

► Imej Pegun ► Filem

Bab individu (klip) (📖31) yang dirakam dalam mod [📷] boleh dipadamkan, jika perlu. Berhati-hati apabila memadam klip, kerana klip yang dipadam tidak boleh dikembalikan.




### 1 Pilih klip untuk dipadam.

- Ikuti langkah 1 – 2 dalam “Melihat Filem Pendek yang Dicipta Apabila Menangkap Imej Pegun (Filem Ikhtisar)” (📖78) untuk memainkan filem yang dicipta dalam mod [📷] dan kemudian tekan butang [🔍] untuk mengakses panel kawalan filem.
- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih [⏪] atau [⏩] dan kemudian tekan butang [🔍].

### 2 Pilih [📷].

- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih [📷] dan kemudian tekan butang [🔍].
- Klip yang dipilih dimainkan balik berulang kali.



### 3 Sahkan pepadaman.

- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [🔍].
- Klip ini dipadam dan filem pendek ditulis ganti.



- [📷] tidak dipaparkan jika anda memilih klip apabila kamera disambungkan ke pencetak.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M

6 Mod Main balik

7 Menu Tetap

8 Aksesori

9 Lampiran

Indeks



# 7

## Menu Tetapan


Sesuaikan atau laraskan fungsi kamera asas untuk kemudahan yang lebih

## Melaraskan Fungsi Kamera Asas

Fungsi MENU (📖27) pada tab [📷] boleh dikonfigurasikan. Sesuaikan fungsi yang biasa digunakan seperti yang diinginkan, untuk lebih kemudahan.

## Meredamkan Bunyi Operasi Kamera

Redamkan bunyi kamera dan filem seperti berikut.




- Pilih [Bisu] dan kemudian pilih [On].



- Bunyi operasi juga boleh diredamkan dengan menahan butang [▼] semasa anda menghidupkan kamera.
- Bunyi tidak akan dimainkan ketika filem dimainkan (📖76) jika anda meredamkan bunyi kamera. Untuk memulihkan bunyi ketika filem dimainkan, tekan butang [▲]. Laraskan volum dengan butang [▲][▼] mengikut keperluan.

## Melaraskan Volum

Laraskan volum setiap bunyi kamera seperti berikut.



- Pilih [Volum] dan kemudian tekan butang [📷].
- Pilih satu item dan kemudian tekan butang [◀|▶] untuk melaraskan volum.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto /  
Mod Auto Hibrid

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Tv, Av dan M


6 Mod Main balik

7 Menu Tetapan

8 Aksesori


9 Lampiran

Indeks



## Menyembunyikan Penunjuk & Tip

Penunjuk dan tip biasanya dipaparkan apabila anda memilih item FUNC. (📖26) atau MENU (📖27). Jika anda ingin, anda boleh menyembahaktifkan maklumat ini.



- Pilih [Penunjuk & Tip] dan kemudian pilih [Padam].

## Tarikh dan Masa

Laraskan tarikh dan masa seperti berikut.




- Pilih [Hb/Masa] dan kemudian tekan butang [📏].
- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih satu pilihan dan kemudian tekan butang [▲][▼] untuk melaraskan tetapan.

## Jam Dunia


Untuk memastikan bahawa tangkapan anda akan mempunyai tarikh dan masa tempatan yang betul ketika anda melancong ke luar negara, daftarkan sahaja destinasi anda terlebih dahulu dan tukar ke zon masa tersebut. Ciri mudah ini tidak memerlukan penukaran tetapan Hb/Masa secara manual.

Sebelum menggunakan jam dunia, pastikan anda menetapkan tarikh dan masa serta zon masa rumah anda seperti yang telah dijelaskan dalam "Menetapkan Tarikh dan Masa" (📖18).



### 1 Tentukan destinasi anda.

- Pilih [Zon masa] dan kemudian tekan butang [📏].
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [🌐 Dunia] dan kemudian tekan butang [📏].
- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih destinasi.
